

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI RABU : 3 APRIL 2019

SOALAN NO. 1

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 1

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam membendung ancaman siber yang boleh menggugat kedaulatan negara jika tidak ada langkah-langkah yang proaktif dilakukan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kerajaan telah mengambil langkah proaktif bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan negara dalam menghadapi ancaman dan serangan siber melalui pembangunan dan pelaksanaan Pelan Pengurusan Krisis Siber Negara (*National Cyber Crisis Management Plan – NCCMP*).
2. Pelan ini yang dibangunkan berdasarkan kepada rangka kerja pengurusan risiko yang menggariskan strategi bagi mengurangkan kesan serangan siber dan tindakbalas yang perlu dilaksanakan oleh agensi Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (*Critical National Information Infrastructure – CNII*) yang terdiri daripada pelbagai agensi awam dan swasta.
3. Pelan ini telah diterjemahkan kepada Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No. 24: Dasar dan Mekanisme Pengurusan Siber Negara serta Prosedur Tindakbalas Komunikasi dan Penyelarasan Krisis Siber Negara.
4. Salah satu aktiviti utama yang digariskan di bawah Arahan MKN No. 24 adalah pelaksanaan Latih Amal Krisis Siber Negara (X-Maya) yang bertujuan untuk menguji keberkesanan prosedur dan membiasakan (*familiarize*) agensi CNII dengan mekanisme pengendalian insiden siber serta meningkatkan tahap keupayaan dan kesiapsiagaan agensi bagi menghadapi sebarang ancaman siber.
5. Selain itu, Kerajaan juga telah menetapkan keperluan dan *baseline* keselamatan siber yang perlu kepada agensi-agensi CNII melalui pelaksanaan Pensijilan MS ISO / IEC 27001 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (*Information Security Management System – ISMS*).

SOALAN NO. 1

6. Pensijilan ini menetapkan keperluan pematuhan melalui satu pendekatan yang sistematik dalam pengurusan maklumat bagi menjamin keselamatan maklumat termasuk polisi, proses, prosedur dan fungsi perkakasan (*hardware*) serta perisian (*software*) berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua,

7. Ancaman keselamatan siber akan terus memberi cabaran kepada pengurusan keselamatan negara apabila berlaku peningkatan kebergantungan kepada teknologi-teknologi baharu yang bermanfaat, tetapi pada masa yang sama mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara.
8. Justeru itu, Kerajaan melalui Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) akan mengeluarkan Strategi Keselamatan Siber Negara pada pertengahan tahun ini bagi menangani ancaman tersebut secara komprehensif.

Strategi ini akan dilaksanakan melalui penggemblengan sumber tenaga dan pembangunan prasarana yang memfokuskan kepada pembentukan *National Cyber Security Workforce*, dengan izin, bagi memastikan negara dapat mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN
KAWASAN : ROMPIN
TARIKH : 03 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN :

YB DATO' SRI HASAN BIN ARIFIN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah kos pembinaan Lebuhraya Utara Selatan (PLUS). Adakah seluruh jumlah kos pembinaannya telah selesai dibayar. Jika belum berapakah lagi baki kos pembinaan yang belum diselesaikan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos pembinaan lebuhraya PLUS adalah berjumlah RM 5,944.77 juta. Apabila PLUS dinyahsenarai dari Bursa Malaysia pada tahun 2011, PLUS terpaksa menerbitkan bon sukuk sebanyak RM30.6 bilion untuk membeli balik semua saham awam. Untuk makluman, sebahagian besar kutipan tol disalurkan untuk membayar balik pinjaman sukuk, menampung kos operasi dan penyelenggaraan lebuhraya. Ia termasuk juga untuk projek-projek penambahbaikan yang sesuai untuk meningkatkan tahap keselamatan serta bagi menampung jumlah trafik yang tinggi.

Walaupun PLUS mempunyai liabiliti yang meningkat, syarikat ini tidak pernah gagal untuk membayar balik pinjaman yang telah ditetapkan. Ini dicapai menerusi pengurusan kos yang baik serta perbelanjaan berhemah tanpa mengabaikan aspek-aspek keselamatan dan kualiti sepertimana yang termaktub di dalam Perjanjian Konsesi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah penstrukturan semula yang telah dibuat pada tahun 2011, kesemua lebuh raya di bawah konsesi PLUS Malaysia Berhad termasuklah Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dilanjutkan tempoh tamat konsesi daripada tahun 2018 ke tahun 2038. Penstrukturan semula Lebuhraya PLUS melibatkan penstrukturan kadar tol yang lebih rendah, kerja-kerja naiktaraf Lebuhraya PLUS di mana 5 persimpangan baru dibina dan kerja pelebaran lebuh raya dilaksanakan serta pulangan kepada pemegang saham.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 3

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan status terkini kebenaran eksport buah durian sejuk beku dalam bentuk biji ke negara China. Cara dan syarat permohonan dengan teliti bagi bakal pengeksport buah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha Malaysia untuk menembusi pasaran durian ke Republik Rakyat China telah dimulakan semenjak 12 tahun yang lalu. Malaysia telah berjaya mengeksport durian sejuk beku dalam **bentuk pulp dan paste** yang bermula **sejak Mei 2011**.

Bagi pengeksportan durian sejuk beku **dalam bentuk biji**, protokol mengenainya **telah ditandatangani pada 20 Ogos 2018** di Beijing, China. Sungguhpun begitu, pengeksportan hanya boleh bermula setelah fasiliti dan ladang yang mematuhi syarat protokol diluluskan oleh *General Administration of Customs of The People's Republic of China* (GACC).

Melalui rundingan terkini pihak Kementerian pada **Februari 2019**, pihak GACC telah bersetuju untuk mula menjalankan **pemeriksaan fasiliti dan ladang di Malaysia**. Adalah dijangkakan GACC akan menjalankan pemeriksaan tersebut bagi **kumpulan pertama permohonan pada Mei 2019**.

Antara **syarat-syarat** yang telah dinyatakan di dalam protokol pengeksportan durian tersebut yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

- (i) pengusaha fasiliti dan ladang hendaklah **berdaftar dengan Jabatan Pertanian Malaysia** selaku *competent authority*;
- (ii) pengusaha fasiliti perlulah mengamalkan *Good Manufacturing Practice* (GMP) dan **mempunyai sijil GMP** yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia;
- (iii) pengusaha ladang durian hendaklah mengamalkan **Amalan Pertanian Baik** (*Good Agriculture Practices*) dan **Pengurusan Perosak Bersepadu** (*Integrated Pest Management*) di ladang mereka;

SOALAN NO : 3

- (iv) pemasangan jaring adalah dimestikan di bawah pokok durian bagi mengelakkan buah durian terkena tanah, rosak atau lebam semasa proses penuaian dan rawatan selepas tuai; dan
- (v) buah durian perlu melalui rawatan sejuk beku dengan suhu di antara -80°C ke -110°C selama satu (1) jam.

Hanya setelah kesemua syarat di dalam protokol ini dipatuhi dan diluluskan oleh GACC, barulah proses pengeksporan durian sejuk beku dalam bentuk biji ke Republik Rakyat China dapat dijalankan.

Penembusan pasaran Republik Rakyat China yang lebih luas dengan populasi kira-kira 1.4 billion dapat meningkatkan nilai eksport negara dalam sektor agromakanan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 4

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan skim-skim latihan yang sedia ada dan bakal dilaksanakan bagi melatih para graduan yang sudah menamatkan pengajian.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) melalui agensi di bawahnya telah menyediakan skim latihan bagi melatih para graduan yang sudah menamatkan pengajian seperti berikut:

i) Skim latihan keusahawanan dan kebolehpasaran graduan di bawah *PROTÉGÉ* (dahulunya dikenali sebagai SL1M) yang boleh dimanfaatkan oleh para graduan iaitu *PROTÉGÉ Entrepreneurship Intern*, *PROTÉGÉ Business Accelerator*, *PROTÉGÉ Ready-To-Work (RTW)*, *PROTÉGÉ Booster* dan *PROTÉGÉ for Industry*. Program-program ini telah direka khas untuk para graduan untuk melatih *entrepreneurial thinking* dalam hasil kerja. Program ini dibangunkan bagi melahirkan generasi usahawan terutamanya di kalangan para pelajar bagi mengembangkan ekonomi negara dengan lebih pesat lagi.

ii) Program komuniti dan jerayawara (*roadshow*) seperti *SPARK*, *Idea Lab* dan *Startup Weekend* kepada golongan lepasan universiti dan penuntut tahun akhir institusi pengajian tinggi (IPT) seluruh negara dilaksanakan oleh *MaGIC* bagi memberi pendedahan dan inspirasi tentang keusahawanan serta pengetahuan berhubung rancangan perniagaan, prototaip dan pemasaran.

iii) Program Skim Latihan Kerjaya Koperasi kepada graduan Kolej *iCoop* disediakan oleh Institut Koperasi Malaysia untuk memberi pengalaman *learning by doing* kepada graduan sebelum memasuki alam pekerjaan sebenar. Latihan ini dijalankan selama enam (6) bulan khusus di koperasi dan agensi koperasi.

iv) SME Corp. turut menyediakan latihan yang berkonsepkan *bootcamp* iaitu Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) untuk mempersiapkan usahawan muda dan golongan belia untuk menceburi bidang keusahawanan. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama lebih 30 rakan strategik meliputi pelbagai kementerian dan agensi di peringkat persekutuan dan negeri, institusi perbankan, badan bukan kerajaan (NGO) serta pihak swasta.

2. Untuk tujuan penyelarasan, Kementerian melalui Rangka Kerja Keusahawanan (NEF) telah melantik INSKEN sebagai agensi peneraju dalam menyelaraskan program-program keusahawanan untuk mengelakkan pertindihan program. Inisiatif ini merupakan salah satu inisiatif di bawah Teras Kedua NEF yang memberi penekanan kepada pembangunan pelan latihan keusahawanan yang komprehensif bagi melahirkan usahawan yang berdaya maju dan kompetitif.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [JELI]

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 5

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah Kementerian akan mengambil pendirian untuk mewajibkan suntikan vaksin diberikan kepada kanak-kanak yang baru lahir. Bagaimanakah Kerajaan bercadang untuk menangani masalah ibu bapa yang menolak suntikan vaksin

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

***Saya mohon untuk menjawab pertanyaan YB Jeli berkenaan vaksin ini dijawab bersekali bersama dengan pertanyaan sama yang telah ditanya oleh YB Parit yang dijadualkan pada 11 April 2019.**

Program Imunisasi **Kanak-Kanak** Kebangsaan dilaksanakan bertujuan untuk mengurangkan kadar morbiditi (penyakit) dan kadar mortaliti (kematian) terutama di kalangan kanak-kanak berumur bawah lima tahun yang berisiko tinggi untuk dijangkiti penyakit berjangkit. Vaksin untuk mencegah 11 jenis penyakit diberikan kepada bayi dari sejurus selepas lahir sehingga umur 18 bulan, mengikut jadual yang ditetapkan. Semua vaksin ini diberikan agar mereka terlindung dari ancaman jangkitan 11 jenis penyakit ini. Namun, liputan imunisasi yang tinggi (lebih dari 95%) diperlukan untuk mencapai imuniti kelompok bagi memastikan bayi yang belum mencapai umur untuk divaksin, serta kanak-kanak yang tidak sesuai untuk menerima suntikan vaksin seperti

kanak-kanak yang sedang menerima rawatan kemoterapi untuk kanser, turut terlindung dari penularan jangkitan.

Kementerian Kesihatan Malaysia menyedari wujudnya kelompok ibu bapa yang menolak vaksin untuk diberi kepada bayi dan anak-anak mereka dengan alasan-alasan tertentu. Penyebaran pendirian dan dakwah golongan yang menolak vaksin dengan mengaitkan fakta-fakta yang salah berkaitan vaksin dan program imunisasi adalah satu fenomena yang tidak sihat kerana ia menurunkan peratus penerimaan imunisasi seterusnya mendedahkan kepada penularan penyakit cegahan vaksin. Kementerian Kesihatan Malaysia sedang mengkaji kebolehlaksanaan tindakan mewajibkan suntikan vaksin kepada kanak-kanak.

Dalam mengkaji kebolehlaksanaan tindakan mewajibkan suntikan vaksin, KKM turut mendapatkan pandangan pelbagai pihak, termasuk Kementerian lain, agensi bukan kerajaan termasuk NGO dan pertubuhan kesihatan antarabangsa. Pelaksanaan program imunisasi mandatori di negara-negara lain di seluruh dunia turut diteliti. KKM mengambilkira semua faktor penting sekiranya suntikan vaksin diwajibkan, termasuk implikasi kepada ibubapa, penyedia perkhidmatan imunisasi serta pusat jagaan, taska, tadika dan sekolah. Faktor-faktor yang mendorong kepada kegagalan ibubapa membawa anak-anak mereka untuk mendapatkan suntikan vaksin turut diperhalusi.

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada pertanyaan Dato' Mohd. Nizar bin Haji Zakaria [Parit], sehingga kini, Kementerian Kesihatan Malaysia melaksanakan pendekatan pendidikan dan advokasi pelbagai kaedah dalam mendidik masyarakat dan juga golongan anti vaksin tentang kepentingan imunisasi dan bahaya penyakit cegahan vaksin. Kementerian Kesihatan turut bekerjasama dengan pakar perubatan serta NGO yang aktif dalam menyampaikan mesej sahih, tepat dan jelas berkaitan vaksin dan imunisasi, seperti Persatuan Pediatrik Malaysia dan Medical Mythbusters Malaysia dan banyak NGO lagi,

termasuk melalui saluran media sosial. Terkini, Kementerian Kesihatan bekerjasama dengan Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi dalam memantau laman serta akaun media sosial yang menyebarkan maklumat tidak benar mengenai vaksin dan imunisasi. Semua aduan yang diterima berkaitan pengamal perubatan yang berdaftar yang menyebarkan maklumat yang tidak benar mengenai vaksin dirujuk kepada Majlis Perubatan Malaysia untuk tindakan seterusnya.

Kementerian Kesihatan turut bekerjasama dengan pihak JAKIM dan Pejabat Mufti bagi menjelaskan isu vaksin dan imunisasi dari sudut agama yang sering digunakan oleh golongan antivaksin. Selain itu, Kementerian Kesihatan juga bekerjasama dengan Majlis Perubatan Homeopati Malaysia bagi menjelaskan perkara sebenar mengenai TIDAK wujudnya vaksin homeopati yang digunakan oleh sesetengah pihak untuk mengaut keuntungan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN ABD. KADIR [SETIU]

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN :

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan strategi pembukaan pasaran baru sawit di Afrika dan apakah perancangan Kementerian dalam meningkatkan bahan api sawit dalam diesel petroleum kepada B20.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Tampin bersekali yang dijadualkan pada 4 April 2019 dengan pertanyaan Yang Berhormat Setiu pada hari ini. Kedua-dua pertanyaan Ahli Yang Berhormat ini telah membangkitkan isu yang lebih kurang sama.

Tuan Yang Di-Pertua,

Strategi Pembukaan Pasaran Baharu Sawit di Afrika

Antara strategi Kementerian dalam pembukaan pasaran baharu di Afrika adalah seperti berikut:

- (i) Meneroka pasaran baharu untuk produk-produk komoditi negara melalui Misi Ekonomi dan Pelaburan ke Mesir dan Maghribi yang diketuai oleh YB Timbalan Menteri Industri Utama pada 21 sehingga 24 September 2018;
- (ii) menjalankan kerjasama untuk memasarkan produk-produk berasaskan sawit seperti Tokotrienol dengan pengeksport dari Malaysia serta beberapa syarikat yang berkaitan di Mesir dan Maghribi; dan
- (iii) menjalankan promosi produk sawit yang mempunyai khasiat tinggi di Mesir.

Perancangan Program B20

Perancangan meningkatkan bahan api sawit dalam diesel petroleum kepada B20 telah dirangka seperti berikut:

- (i) mengadakan sesi konsultasi dengan semua pemegang taruh untuk mendapatkan input dan pandangan ke atas pelaksanaan program biodiesel B20;
- (ii) menjalankan ujian lapangan dan makmal ke atas enjin-enjin diesel untuk

mengesahkan biodiesel B20 tidak memberikan kesan negatif;

- (iii) menyalurkan input ke atas dasar-dasar lain seperti Dasar Automotif Nasional (NAP) supaya selaras dengan misi dan visi Kementerian; dan
- (iv) menaik taraf 35 depoh adunan bagi menampung adunan lebih tinggi untuk menyokong pelaksanaan Program B20.

Hasil Awal Pelaksanaan Biodiesel B10

Program B10 telah dilaksanakan secara berperingkat mulai 1 Disember 2018 dan secara mandatori bermula 1 Februari 2019. Sehubungan itu, masih terlalu awal untuk mengatakan Program B10 ini telah menstabilkan harga minyak sawit. Walau bagaimanapun, impak positif peningkatan harga minyak sawit dapat dilihat seawal Januari 2019 dan Februari 2019 yang mana harga purata bulanan minyak sawit meningkat masing-masing kepada RM2,037.00 dan RM2,122.65/tan berbanding Disember 2018 iaitu RM1,794.50/tan.

Jangkaan Negara Mencapai Objektif Mobiliti Karbon Rendah

Secara keseluruhan, Program B10 akan menggunakan 543,000 tan minyak sawit setahun dan dapat menyumbang kepada pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHG) sebanyak 1.629 juta tan karbon dioksida (CO₂) setara setahun.

Sekian, terima Kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan bagaimana caranya untuk membantu belia yang melibatkan diri dalam pengeluaran filem dan program hiburan tempatan. Adakah RTM sudi membeli hasil pengeluaran visual tempatan, nyatakan caranya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM) tidak pernah mengamalkan dasar penetapan had umur dalam proses perolehan program tv dan proses perolehan program tv.
2. Proses perolehan di RTM dilakukan secara terbuka kepada semua yang layak dan memenuhi syarat serta kriteria tatacara perolehan program tv yang telah ditetapkan.
3. Bagi tujuan membekalkan program TV kepada RTM, mereka yang berminat perlu mempunyai syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan, menterian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, KKMM dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).
4. Garis panduan Pendaftaran pembekal Rancangan Televisyen RTM, sama ada terbitan tempatan atau Luar Negara boleh dimuat turun di laman sesawang Kementerian Komunikasi dan

NO SOALAN : 7

Multimedia Malaysia, , iaitu www.kkmm.gov.my, pada bahagian perkhidmatan dalam talian dengan klik perkara sistem Pendaftaran Pembekal rancangan TV.

5. Selain itu, Kementerian melalui FINAS selaku agensi pelaksana telah memperkenalkan bantuan dana kepada penggiat industri kandungan kreatif tempatan termasuk golongan belia untuk menghasilkan karya yang bermutu di bawah Projek Rancangan Malaysia Ke 11 iaitu Dana Kandungan Digital (DKD). Dana ini disasarkan kepada penggiat seni individu dan syarikat yang berkecimpung dalam industri kandungan kreatif merangkumi Filem & TV, Animasi, Digital Games, Dokumentari dan Filem Pendek.
6. Penyaluran bantuan Dana Kandungan Digital (DKD) yang melibatkan golongan belia adalah melalui Dana Mikro. Dana Mikro merupakan inisiatif kerajaan untuk menyokong pencipta kandungan yang memberi tumpuan kepada pembikinan kandungan video pendek untuk tayangan dan perkongsian pada platform media sosial seperti Youtube, Instagram dan Facebook.
7. Peruntukkan pembiayaan bagi Dana Mikro adalah sehingga RM5,000 bagi satu projek untuk seorang pemohon yang layak bergantung kepada idea, subjek dan kos pembikinan yang berkaitan. Bilangan projek yang diluluskan dari tahun 2016 sehingga 2018 adalah sebanyak 175 projek dengan nilai kelulusan berjumlah RM757,000.
8. Dari aspek pembangunan modal insan industri perfileman, Kementerian melalui FINAS komited melahirkan karyawan pelapis di kalangan golongan belia dengan memperkenalkan program pemerkasaan modal insan industri perfileman. Bagi tahun 2018 sebanyak 1,632 penyertaan dengan penganjuran 33 buah program bagi membantu dalam meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam industri kreatif.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
[TANJUNG KARANG]**

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 8

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan jumlah peruntukan pembangunan untuk kawasan IADA Barat Laut Selangor sepanjang 2018 dan 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah **memperuntukkan sejumlah RM8.3 juta** melalui **lapan (8) projek infrastruktur pengairan dan saliran (RM7.3 juta)** dan **dua (2) program pembangunan industri padi (RM1.0 juta)** pada **tahun 2018** kepada IADA Barat Laut Selangor.

Pada **tahun 2019**, peruntukan ini **meningkat kepada RM9.4 juta** melalui **pelaksanaan tujuh (7) projek pengairan dan saliran (RM8.4 juta)** dan **dua (2) projek pembangunan industri padi (RM1.0 juta)**.

Sehingga tahun 2019, peruntukan pembangunan sepanjang RMKe-11 **yang telah disalurkan** kepada kawasan IADA Barat Laut Selangor adalah sebanyak **RM29,430,100.00** iaitu **72.7%** daripada jumlah keseluruhan RM40,500,000.00.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS]

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan mengapa pihak pemaju perlu membuat bayaran kepada Telekom semasa memajukan sesuatu projek padahal Telekom yang ingin menjalankan perniagaan di kawasan projek tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah penambahbaikan Garis Panduan Utiliti dirujuk sebagai panduan kontraktor/pemaju yang melibatkan pelbagai pihak dan penyeragaman perlu dimaklumkan kepada pihak terbabit dengan sesuatu projek. Antaranya dengan Pemakaian Garis Panduan Pengalihan dan Pemasangan Semula Utiliti dalam Pelaksanaan Program dan Projek Kerajaan Bil. 1 Tahun 2016 telah diedarkan oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri. Ia terpakai dalam pelaksanaan kawasan rizab persekutuan dan negeri (jalan, sungai, terusan, landasan keretapi, pihak berkuasa tempatan, tanah persendirian termasuk *wayleave*).
2. Oleh itu, tatacara pengalihan utiliti melibatkan pemakluman projek kepada 'One Stop Centre' utiliti komunikasi. Proses perancangan bersama oleh semua pihak dan pelaksanaan berdasarkan persetujuan pihak terlibat agar kerja pengalihan dan pemasangan semula berdasarkan kualiti dan tatacara yang betul. Sehingga Disember 2018, sebanyak 21 kes kerosakan kepada infrastruktur komunikasi telah dikompaun.
3. Oleh itu, Telekom Malaysia (TM) menegaskan bahawa, tiada caj bayaran tertentu dikenakan sebelum rangkaian telekomunikasi talian tetap dibina dan dipasang di kawasan-kawasan pembangunan kepada pemaju yang tertakluk dengan kelulusan kebenaran merancang pihak berkuasa tempatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

TARIKH : 3.4.2019 (RABU)

SOALAN NO. 10

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian telah mempertimbangkan penggabungan sekolah kurang murid di Sarawak adalah salah satu langkah penambahbaikan bagi mengatasi sekolah daif dan bina semula sekolah bersepadu yang baru.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyemak secara terperinci mengenai sekolah kurang murid (SKM) di seluruh negara termasuk di negeri Sarawak. Pelbagai aspek telah diambil kira dan dimasukkan dalam Pelan Hala Tuju Sekolah Kurang Murid (SKM). Pelan tersebut telah pun dilaksanakan oleh KPM melibatkan pelbagai strategi bertujuan untuk menangani aspek keberkesanan kos dan peningkatan prestasi murid. Antara strateginya ialah melaksanakan penggabungan SKM.

Di negeri Sarawak, terdapat sebanyak 843 buah SKM iaitu 715 daripadanya adalah Sekolah Kebangsaan (SK) dan 128 daripada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC). Antara syarat-syarat yang membolehkan sesebuah sekolah itu digabungkan ialah:

- i. sekolah yang sama aliran;
- ii. terdapat beberapa sekolah dalam radius 5 hingga 10 kilometer yang telah pun menjadi SKM;
- iii. sekolah yang tidak berlaku peningkatan enrolmen dalam tempoh 3 tahun berturut-turut; dan
- iv. mendapat persetujuan ibu bapa untuk digabungkan.

KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak bersedia untuk mempertimbangkan sebarang cadangan untuk menggabungkan beberapa sekolah yang mempunyai enrolmen yang semakin menurun di sesuatu kawasan.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [TANGGA BATU]

TARIKH : 3.4.2019 (RABU)

SOALAN : 11

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan prosedur untuk mendapat geran peruntukan RM10,000 setiap tahun bagi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang menyukarkan pihak MPKK.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan Yang Berhormat Tangga Batu ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Rasah, nombor 13 yang juga pada hari ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, prosedur permohonan Geran MPKK yang sebenarnya tidaklah sukar. Pihak MPKK hanya perlu mengadakan mesyuarat MPKK dan memutuskan program yang hendak dipohon. Permohonan Geran MPKK ini merangkumi tiga (3) skop yang boleh dipilih oleh MPKK iaitu :

- (i) Program yang menjana pendapatan ekonomi masyarakat kampung; atau
- (ii) Program keceriaan kampung; atau
- (iii) Program kesejahteraan kampung.

Kemudian, MPKK tersebut hendaklah menyediakan kertas kerja ringkas mengenai program yang akan dilaksanakan seperti tentatif program, objektif, pengiraan kos dan impak program serta mengisi Borang Profil Kampung mengikut format yang telah disediakan.

Syarat untuk melengkapkan Borang Profil Kampung juga telah diberi kelonggaran kepada pengisian data asas daripada beberapa modul utama sahaja.

Seterusnya, MPKK perlu mengemukakan maklumat-maklumat tersebut bersama-sama dengan borang permohonan yang lengkap dan dokumen sokongan seperti nombor akaun bank MPKK bagi memastikan penyaluran peruntukan Geran MPKK dapat dilaksanakan dengan lancar. Bagi menggalakkan lebih banyak MPKK memohon Geran MPKK ini, Kementerian telah menyediakan borang permohonan yang boleh dimuat turun menerusi portal Kementerian serta boleh didapati di semua Pejabat KEMAS (Negeri dan Daerah), KEJORA, KESEDAR, KETENGAH, PERDA, KEDA, dan Pejabat KPLB Negeri.

Borang permohonan boleh dihantar kepada Agensi-agensi tersebut dan juga boleh dikemukakan melalui Pejabat Daerah yang berperanan sebagai pemudahcara untuk membantu MPKK dalam proses permohonan geran ini. Penilaian dan kelulusan permohonan Geran MPKK ini juga adalah berdasarkan *first come first serve*.

Sehingga kini, sebanyak 130 permohonan Geran MPKK telah diterima dan pihak Kementerian sedang memproses permohonan-permohonan tersebut mengikut prosedur yang telah saya sebutkan sebentar tadi. Selain itu, Kementerian juga sedang melaksanakan Kursus Induksi MPKK di seluruh negara yang turut melibatkan penerangan mengenai proses permohonan Geran MPKK tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI
ABD. MUTTALIB
(MARAN)

TARIKH : 03 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 12

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah tenaga kerja awam dan swasta yang telah diberhentikan kerja selepas Pakatan Harapan (PH) menjadi Kerajaan dan berapa ramaikah daripada mereka yang telah mendapat faedah daripada Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan dan dalam bentuk apa.

PN-1412- L03826

SOALAN NO: 12

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Tiada pegawai Kerajaan lantikan tetap yang diberhentikan kerja. Walaubagaimanapun, sejak Jun 2018, hanya 1,691 (11.3%) pegawai daripada sejumlah pegawai lantikan kontrak seramai 14,869 orang telah ditamatkan kontrak kerana projek atau tugas yang dilaksanakan oleh pegawai berkenaan telah tamat dan tidak lagi diteruskan oleh agensi berkenaan, manakala 13,178 (88.7%) akan terus kekal berkhidmat.

2. Pada tahun 2018, jumlah pemberhentian pekerja sektor swasta yang dilaporkan kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Kementerian Sumber Manusia (KSM) adalah seramai 23,168 orang. Daripada jumlah ini seramai 17,236 (74.4%) adalah pemberhentian biasa dan bakinya seramai 5,932 (25.6%) adalah pemberhentian sukarela (*volunteer separation scheme, VSS*)

Tuan Yang di Pertua,

3. Berdasarkan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800), pekerja sektor awam, pekerja asing, pekerja domestik dan Badan Berkanun adalah tidak termasuk dalam liputan akta ini. Hanya sektor swasta sahaja yang diliputi di bawah akta ini.

SOALAN NO: 12

4. Untuk makluman Tuan Yang Di Pertua, berdasarkan rekod statistik PERKESO sejak SIP dilaksanakan sehingga 22 Februari 2019, jumlah tenaga kerja swasta yang telah diberhentikan dan layak menerima faedah SIP ialah seramai 31,537 orang iaitu seramai 23,957 orang menerima bayaran interim melibatkan jumlah bayaran sebanyak RM18.7 juta dan 7,580 orang menerima faedah SIP melibatkan jumlah bayaran sebanyak RM 6.1 juta.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

DARIPADA : DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS

SOALAN : 14

Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah tambahan yang akan diambil oleh pihak Kementerian bagi memastikan segala aset Kerajaan tidak disalahguna oleh mana-mana pihak bagi menjalankan gerak kerja parti.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pelan Antirasuah Nasional 2019 - 2023 (NACP) telah dilancarkan pada 29 Januari 2019 yang lalu oleh YAB Perdana Menteri sebagai kerangka utama negara dalam menangani pelbagai isu berkaitan governans, integriti dan antirasuah di semua peringkat. Salah satu daripada enam bidang-bidang berisiko yang utama serta perlu diberi fokus ialah berkaitan Tadbir Urus Politik dimana Strategi 1: Memperkukuh Akauntabiliti dan Integriti Politik telah dibentuk bagi mereformasikan sistem perundangan dan pilihan raya.
2. Pihak Kerajaan telah merancang untuk memasukkan peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan penggunaan aset dan jentera Kerajaan untuk mempromosi calon yang bertanding dalam pilihan raya atau parti politik seperti yang tercatat di inisiatif No. 1.1.9 dalam NACP tersebut.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggunaan aset dan premis Kerajaan semasa tempoh berkempen perlu diteliti dengan mendalam. Oleh yang demikian, kementerian/jabatan perlu berhati-hati dalam meluluskan apa-apa permohonan untuk menggunakan aset dan premis Kerajaan khususnya semasa pilihan raya bagi mengelakkan daripada berlakunya pelanggaran kepada undang-undang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TEH KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : 3.4.2019 (RABU)

SOALAN NO. 15

Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah bilangan murid yang tercicir dari sekolah mengikut umur dan negeri dan apakah kaedah-kaedah yang telah diambil untuk mengatasi dan menambah baik masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah kerajaan baharu akan meneruskan usaha untuk mengurangkan kadar keciciran murid di negara ini. Untuk makluman, peratus murid cicir menunjukkan trend yang menurun daripada tahun 2014 sehingga 2018 iaitu di peringkat sekolah rendah menurun daripada 0.34 peratus kepada 0.15 peratus. Manakala di peringkat sekolah menengah juga menurun iaitu daripada 2.95 peratus kepada 1.21 peratus.

Pelbagai inisiatif yang dijalankan oleh KPM untuk meningkatkan kadar penyertaan murid di sekolah dan seterusnya mengurangkan kadar keciciran. Inisiatif Peningkatan Akses daripada Peringkat Prasekolah hingga Menengah Atas diwujudkan dengan tujuan menangani masalah keciciran di sekolah. Inisiatif ini terdapat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

KPM telah mengambil pelbagai langkah bagi mengurangkan kadar keciciran termasuk menambah baik kemudahan asas, memperbanyakkan program motivasi, meningkatkan kesedaran ibu bapa, mewujudkan dan memperluas program-program bantuan persekolahan. Antara bantuan persekolahan yang disediakan oleh KPM

seperti menyediakan Biasiswa Kecil Persekutuan, Rancangan Makanan Tambahan (RMT) dan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), Skim Pinjaman Buku Teks, Program Susu Sekolah, dan pembinaan asrama sekolah supaya semua kanak-kanak dapat kekal bersekolah. Selain daripada itu, KPM juga menyediakan khidmat guru kaunselor dan guru pemulihan untuk meningkatkan minat murid untuk meneruskan persekolahan.

Mengambil kira perbezaan kebolehan dan kecenderungan murid di peringkat sekolah menengah, KPM turut menawarkan program yang berasaskan kemahiran bagi menangani isu keciciran dalam kalangan murid. Antara program yang diperkenalkan ialah Program Pendidikan Vokasional Menengah Atas (PVMA), Perantisan Industri Menengah Atas (PIMA) dan Program Diploma Vokasional Malaysia. KPM juga menawarkan program kolaboratif dengan beberapa Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) seperti GIATMARA dan WISDEC serta Program Perantisan Sistem Latihan Dual Negara (SLDN) dengan kerjasama *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA) dan *Federation of Malaysian Manufacturers* (FMM).

Terkini, KPM telah menyediakan satu garis panduan bagi membantu murid-murid yang berisiko cicir agar mereka kekal bersekolah sehingga tamat tingkatan 5 iaitu Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah (GPMBC). GPMBC ini telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2018 ke semua sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan. Pemantauan oleh pihak sekolah kepada murid berisiko cicir dapat dijalankan dan intervensi yang sesuai dapat diberikan kepada murid berisiko cicir. Selain itu, GPMBC ini juga mempunyai objektif bagi memastikan pemantauan murid khususnya murid berisiko cicir dapat dibuat oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah secara berterusan.

Sekian, terima kasih

PERTANYAAN-PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN MOHD NOR
(CAMERON HIGHLANDS)**

TARIKH : 3 APRIL 2019

SOALAN NO 16

Tuan Ramli bin Mohd Nor [Cameron Highlands] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha Kerajaan bagi meningkatkan ekonomi masyarakat Orang Asli di Malaysia. Apakah bantuan yang diberikan kepada masyarakat Orang Asli serta apakah penambahbaikan dari segi hal ehwal ekonomi.

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN
DATO' AZUMU (TAMBUN)**

TARIKH : 11 APRIL 2019

NO. SOALAN 1

YB DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah strategi jangka masa panjang Kerajaan Pusat dalam usaha memperkasakan kedudukan sosioekonomi komuniti Orang Asal.

Yang di Pertua Dewan.

Izinkan saya menjawab soalan **YB Tuan Ramli bin Mohd Nor [Cameron Highlands]** secara bersama dengan soalan **YB Dato' Seri Ahmad Faizal Bin Dato' Azumu [Tambun]** yang bertarikh **11 April 2019** memandangkan kedua-duanya menyentuh isu yang sama iaitu berkenaan dengan kedudukan Sosioekonomi Komuniti Orang Asli.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Perdana Menteri menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah menyediakan Pelan Strategik JAKOA 2016-2020 yang menjadi hala tuju yang jelas bagi memajukan masyarakat Orang asli setanding dengan masyarakat perdana. Di bawah Fokus Ekonomi Mampan, teras strategik bagi meningkatkan ekonomi masyarakat Orang Asli telah direncana kemas dengan tumpuan diberikan kepada empat (4) program untuk pertanian/perladangan iaitu Projek Perladangan, Program Hands Holding, Program Bantuan Input Pertanian dan Kursus Pengembangan Pertanian. Melalui usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan, beberapa program telah menunjukkan penambahbaikan ekonomi kepada Orang Asli. Sebagai contoh, sehingga Januari 2019 Program Tanam Semula Komersial (TSK) dengan kerjasama Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Rancangan Orang Asli (ROA) dengan kerjasama Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) telah melaksanakan 204 projek dengan pulangan faedah kepada 13,021 peserta Orang Asli yang menerima dividen bulanan bergantung kepada prestasi ladang dan harga komoditi.

Selain itu, Kerajaan juga telah berusaha meningkatkan pendapatan Orang Asli melalui beberapa program keusahawanan. Berdasarkan kepada fokus yang sama dalam Pelan Strategik JAKOA, pelbagai bantuan berbentuk geran dan insentif keusahawanan telah diberikan kepada Orang Asli untuk meningkatkan pendapatan serta taraf hidup mereka. Sepanjang RMKe-11, sebanyak 225 jenis bantuan iaitu sama ada bantuan geran, premis perniagaan, bantuan peralatan atau latihan/kursus telah diterima oleh golongan usahawan Orang Asli. Aktiviti pemantauan ke atas usahawan juga telah dilaksanakan dari semasa ke semasa. Melalui pengemaskinian data yang dijalankan seramai 121 orang daripada 225 orang penerima bantuan (53.7%) telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka sebanyak 30%. Manakala, sebanyak 74 usahawan (32%) telah berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

NO. SOALAN : 16 & 1

Usaha Kerajaan bagi meningkatkan ekonomi Orang Asli turut memfokuskan kepada Koperasi Orang Asli. Kursus-kursus kemahiran koperasi secara in-house kepada Ahli Lembaga Koperasi (ALK) Orang Asli dengan kerjasama Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah diatur dan JAKOA juga menyediakan geran Koperasi Orang Asli bagi membantu pihak koperasi mengembangkan perniagaan mereka. Sehingga kini, sebanyak 4 buah koperasi Orang Asli telah menerima bantuan geran koperasi bernilai RM545,000.00.

JAKOA akan meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan ekonomi masyarakat Orang Asli ke arah pembangunan sosioekonomi melalui penambahbaikan yang dilaksanakan seperti melaksanakan usaha sama bersama agensi-agensi teknikal dalam program pembangunan ekonomi dan pemasaran produk usahawan. Selain itu, JAKOA juga sedang menilai potensi eko-pelancongan untuk diperluaskan di perkampungan Orang Asli sebagai salah satu program untuk dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan. Penambahbaikan juga dilaksanakan untuk mengenal pasti tanaman-tanaman komersial lain yang mempunyai pasaran seperti koko melalui kerjasama dengan Lembaga Koko Malaysia untuk diusahakan oleh Orang Asli. Usaha penambahbaikan juga dilaksanakan dalam pembangunan tanah melalui peluasan Program Ladang Masyarakat Orang Asli dengan penglibatan peserta dan melaksanakan secara gotong-royong.

Justeru itu, usaha dan kerjasama semua agensi secara berterusan akan dilaksanakan untuk memastikan taraf hidup dan kehidupan masyarakat Orang Asli dipertingkatkan seiring dengan pembangunan negara.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN WONG KAH WOH
[IPOH TIMUR]

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 5

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA menyatakan usaha-usaha untuk menambahkan rangkaian UNIFI sebagai ganti kepada Streamyx. Nyatakan mengapa UNIFI selalu enggan memberikan rangkaian yang mencukupi walaupun untuk tempat kediaman di bandar dengan berpandukan alasan kekurangan permintaan pasaran.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara usaha-usaha Kerajaan melalui Telekom Malaysia (TM) ialah memperkenalkan inisiatif terbaharu kepada para pelanggan sedia ada Streamyx yang bakal dinaik taraf perkhidmatan mereka kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi, UniFi, sekiranya mereka berada di dalam kawasan liputan perkhidmatan tersebut.
2. Sekiranya pelanggan tersebut berada di luar kawasan liputan UniFi atau tiada liputan rangkaian perkhidmatan Unifi di kawasan tersebut, para pelanggan Streamyx sedia ada akan ditawarkan untuk penaiktarafan perkhidmatan dengan kelajuan sehingga 8 Mbps atau sebagai pilihan yang lain, mereka bakal menerima perkhidmatan jalur lebar tanpa wayar 4G LTE yang disediakan oleh TM dengan tahap kelajuan yang lebih baik. Kesemua perkhidmatan naik taraf ini adalah

percuma buat para pelanggan TM dan proses penaiktarafan ini dijangka selesai pada penghujung suku tahun pertama tahun 2019.

3. TM menyangkal dakwaan enggan memberikan perkhidmatan Unifi di kawasan-kawasan kediaman di bandar. Ketiadaan rangkaian Unifi di kawasan yang dimaksudkan adalah kerana tidak semua tempat kediaman kawasan tersebut mempunyai rangkaian perkhidmatan Unifi pada masa sekarang, sebaliknya masih menggunakan rangkaian jalur lebar menggunakan teknologi berasaskan tembaga (*copper*) iaitu Streamyx atau lain-lain teknologi jalur lebar seperti teknologi jalur lebar tanpa wayar (*wireless broadband technology*). Perancangan jangka panjang TM mengambil kira untuk menaiktaraf semua rangkaian sedia ada bagi memastikan pengguna mendapat liputan jalur lebar yang lebih baik di masa hadapan.

4. Ini secara tidak langsung akan mengambil masa untuk dilaksanakan dan di samping itu ianya mempunyai implikasi kewangan di dalam pelaksanaannya bagi membolehkan rangkaian telekomunikasi sedia ada diganti dengan teknologi baru yang lebih berkualiti dan efektif.

5. TM juga sering mengadakan perbincangan dengan pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) bagi mencari pilihan kepelbagaian penggunaan teknologi yang bersesuaian dan mengoptimumkan kaedah penyelesaian sedia ada untuk memberikan pengalaman penggunaan perkhidmatan jalur lebar TM yang lebih baik dan mampu dimiliki oleh rakyat dipelbagai peringkat di seluruh negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
[BATANG SADONG]
TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 18

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah jenis kerjasama yang diadakan dengan Jabatan Perkhidmatan Awam bagi menjaga kebajikan wanita dalam sektor awam, serta perubahan positif yang dibuat dalam satu tahun lepas dari segi memberi fleksibiliti ataupun kemudahan kepada penjawat awam wanita terutamanya yang mempunyai anak kecil.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa menyokong usaha Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk menjaga kebajikan wanita dalam sektor awam. Keperluan pegawai terutamanya dalam menyeimbangkan antara komitmen kerja dan peranan sebagai ibu dalam sesebuah keluarga sentiasa menjadi perhatian.

Dalam hal ini, Kerajaan telah bersetuju memperkenalkan satu inisiatif baharu iaitu memberi kebenaran pulang awal satu (1) jam kepada Pegawai Perkhidmatan Awam wanita yang mengandung lima (5) bulan dan ke atas berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018 melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 2017. Kemudahan ini bertujuan supaya pegawai Perkhidmatan Awam wanita yang mengandung dapat pulang lebih awal tanpa perlu mengharungi kesesakan lalu lintas pada waktu petang. Ini membuktikan bahawa Kerajaan bukan sahaja memberikan perhatian terhadap aspek kebajikan Pegawai Perkhidmatan Awam wanita, malah Kerajaan turut komited memastikan pembangunan institusi kekeluargaan diberikan perhatian yang sewajarnya.

Sebagai usaha penambahbaikan berterusan, berkuat kuasa mulai 1 Januari 2018 juga melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2017, Kerajaan telah bersetuju untuk menaikkan tempoh Cuti Bersalin bergaji penuh yang dinikmati pegawai Perkhidmatan Awam wanita daripada 300 hari kepada 360 hari sepanjang tempoh perkhidmatan. Pada masa ini, pegawai Perkhidmatan Awam wanita turut diberi fleksibiliti untuk menentukan sendiri tempoh Cuti Bersalin di antara 60 hari sehingga 90 hari bagi setiap kelahiran.

Bagi wanita bekerja penyediaan Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) amatlah diperlukan. Prihatin dengan keperluan ini, Kementerian ini berserta agensi di bawahnya, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang menjalankan usaha untuk memastikan sejumlah RM10 juta ringgit yang diperuntukkan dapat diagihkan mulai bulan Mac 2019 bagi tujuan penyediaan TASKA di premis-premis sektor awam.

SOALAN NO. 18

Selain itu juga, dalam usaha membantu wanita mengimbangi kerjaya dan komitmen keluarga serta mengelakkan wanita berkerjaya berhenti kerja, Kementerian ini juga telah memperkenalkan kemudahan *Flexible Working Arrangement* (FWA) atau Waktu Kerja Anjal sejak Mac 2015. Terkini, JPA telah memperkenalkan inisiatif Waktu Bekerja Fleksi (WBF) secara rintis mulai 1 Mac 2019 meliputi Kementerian dan agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri bertujuan untuk memastikan keseimbangan dalam berkerjaya dan kehidupan seharian dalam kalangan penjawat awam. Usaha-usaha yang dijalankan baik oleh Kementerian atau bersama-sama JPA adalah bertujuan untuk memastikan kebajikan penjawat awam wanita sentiasa terjamin.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
[LANANG]**

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 19

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan impak terhadap penambahan laluan penerbangan bagi Kuala Lumpur ke Sarawak seperti Sibu-Kuala Lumpur dan Sibu-Johor pada musim perayaan Tahun Baru Cina baru-baru ini dan apakah rancangan Kerajaan untuk memastikan harga tiket penerbangan domestik juga lebih rendah/mampu dibeli oleh mereka yang ingin balik ke kampung pada musim perayaan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, susulan daripada penambahan penerbangan bagi laluan Sibu- Kuala Lumpur dan Sibu- Johor Bahru pada musim perayaan Tahun Baru Cina baru-baru ini, harga tiket penerbangan ke kedua-dua laluan tersebut telah menurun di antara 19.8% sehingga 57% berbanding tempoh musim perayaan yang sama pada tahun 2018, bergantung kepada waktu tempahan tiket dibuat. Dalam hubungan ini, tawaran harga tiket penerbangan akan lebih murah sekiranya ia ditempah lebih awal.
2. Bagi memastikan harga tiket penerbangan domestik akan kekal pada paras munasabah sepanjang musim-musim perayaan lain yang akan datang, Kementerian Pengangkutan melalui Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) akan mendapatkan komitmen daripada syarikat-syarikat penerbangan negara untuk meningkatkan kapasiti penerbangan melebihi 20 peratus bagi tempoh 7 hari sebelum musim perayaan di laluan-laluan yang mempunyai permintaan yang tinggi;
3. Selain itu, Kementerian akan turut mendapatkan kerjasama daripada operator lapangan terbang, syarikat pengendalian darat, perkhidmatan ERL dan teksi untuk melanjutkan operasi di lapangan terbang yang berkaitan dalam tempoh 7 hari tersebut. Pihak Suruhanjaya juga akan terus memantau harga tiket penerbangan semasa musim-musim perayaan yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP
[PENSIANGAN]
TARIKH : 3.4.2019 (RABU)

SOALAN NO. 20

Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:-

- a) adakah pihak Kementerian akan meneruskan dasar 90:10 pengambilan guru anak tempatan bagi Sabah dan Sarawak; dan
- b) berapa peratus yang sudah dicapai dan bilakah sasaran 90% untuk anak Sabah dan Sarawak itu dijangka akan dicapai.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa pelaksanaan dasar penempatan anak tempatan Sabah dan Sarawak di negeri asal (Dasar 90:10) akan diteruskan selama tiga (3) tahun lagi, iaitu sehingga 2021. KPM akan berusaha untuk memastikan sasaran dasar tersebut dapat dicapai seperti yang dihasratkan.

Berdasarkan rekod KPM pada 26 Februari 2019, pencapaian Dasar 90:10 bagi negeri Sabah ialah 86 peratus. Manakala, bagi negeri Sarawak pula ialah sebanyak 87 peratus. Sasaran pencapaian 90 peratus pengisian guru anak negeri Sabah dan Sarawak dijangka dapat dicapai pada tahun 2021.

Sekian, terima kasih. RJM 115

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 21

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kedudukan projek River of Life yang didapati terbengkalai yang mana kontraktor tidak meneruskan projek dan sekarang menimbulkan kesesakan lalulintas dan apakah jaminan Kementerian untuk menyiapkan projek secepat mungkin.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Bukit Bintang, Projek *River of Life* (RoL) bukanlah projek terbengkalai, sebaliknya projek ini sedang giat dibangunkan. Sehingga 25 Mac 2019, daripada 85 pakej projek kesemuanya, 60 pakej telah pun siap dilaksanakan sementara baki 25 pakej masih lagi dalam pelaksanaan. Secara keseluruhannya, Projek RoL telah mencapai status siap sebanyak 86% dan dijangka mencapai 90% menjelang hujung tahun ini. Hanya projek *Sewerage Treatment Plant* (STP) Batu di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli yang mengalami kelewatan besar berbanding jadual dan sedang di bawah perhatian kementerian berkenaan untuk langkah-langkah pemulihan.

Kementerian Wilayah Persekutuan sedia maklum bahawa terdapat sedikit gangguan lalu lintas di beberapa kawasan tertentu yang melibatkan RoL seperti di bawah Pakej 1C1D sekitar Masjid India dan Jalan Tun Perak serta Pakej 4A4B di sekitar Brickfields. Sungguh pun gangguan trafik merupakan suatu norma yang sukar dielakkan sepenuhnya dalam mana-mana projek pembangunan di ibu kota, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah pun diarahkan untuk meminimalkan kesan gangguan ini melalui pemantauan rapi terhadap kontraktor terlibat dan pengurusan pelan kawalan trafik yang lebih baik.

Dalam hubungan ini, Kementerian Wilayah Persekutuan akan terus memantau secara dekat untuk memastikan secara umumnya Projek RoL dapat disiapkan dengan sebaik mungkin dan khasnya Pakej 1C1D serta Pakej 4A4B pula siap menjelang November tahun ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN B.
NAINA MERICAN [KEPALA BATAS]
TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 22

Y.B. DATO' SERI REEZAL MERICAN B. NAINA MERICAN [KEPALA BATAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kaedah pembayaran (disbursement mechanism) dividen khas (berjumlah RM30b) PETRONAS kepada Kerajaan. Apakah ianya akan dibayar secara 'lump-sum' atau secara beransur-ansur. Mohon dinyatakan jadual pembayaran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Semasa pembentangan Belanjawan 2019 pada 2 November 2018, Kerajaan telah mengumumkan jumlah hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2019 dianggarkan sebanyak RM261.8 bilion. Daripada jumlah tersebut, hasil daripada dividen PETRONAS adalah sebanyak RM54 bilion di mana RM30 bilion merupakan dividen khas. Mekanisma pembayaran dividen daripada PETRONAS setiap tahun adalah secara berjadual dan dibayar secara ansuran. Sehingga Februari 2019, jumlah dividen khas yang telah diterima adalah sebanyak RM8 bilion.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN WONG TACK (BENTONG)
TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 23

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI, SAINS, PERUBAHAN IKLIM DAN ALAM SEKITAR** menyatakan mengapa Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar tidak mewajibkan “Detailed Environmental Impact Assessment” DEIA untuk projek bauksit di Kuantan yang melibatkan keluasan hampir 4000 hektar memandangkan isu ini amat memudaratkan alam sekitar dan dititikberatkan oleh rakyat jelata.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Projek bauksit di Kuantan yang melibatkan keluasan hampir 4000 hektar adalah merupakan aktiviti yang ditetapkan di bawah Jadual Kedua Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan)(Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015. Pemaju projek dikehendaki mengemukakan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekeliling (EIA) kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar sebelum projek dimulakan.

2. Sehingga kini, Laporan EIA tersebut belum dikemukakan kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar untuk penilaian

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI MAHDZIR BIN KHALID

TARIKH : 3.04.2019 (RABU)

Dato' Seri Mahdzir bin Khalid [Padang Terap] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan signifikasi pihak Kementerian mempamerkan senarai perbandingan harga petrol dan diesel terkini bagi negara-negara jiran ASEAN dengan Malaysia di stesyen minyak dan adakah Kerajaan akan menetapkan harga pasaran petrol dan diesel pada harga tetap untuk suatu tempoh masa bagi menggantikan mekanisme sistem apungan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Senarai perbandingan harga runcit petrol dan diesel antara negara ASEAN dan Malaysia dipaparkan di stesyen-stesyen minyak adalah bertujuan untuk memberikan maklumat terkini berkaitan harga runcit petrol dan diesel sebagai panduan kepada pengguna dalam membuat pilihan. Pelaksanaan paparan harga runcit petrol dan diesel ini menunjukkan dasar ketelusan dan keterbukaan Kerajaan kepada rakyat dalam meluncuri isu ini.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan pada 2 Januari 2019 telah memutuskan untuk mengubah penetapan harga runcit petrol dan diesel dari tempoh bulanan kepada mingguan bagi membolehkan rakyat menikmati perubahan harga yang lebih cepat selaras dengan perubahan harga minyak mentah di pasaran dunia.

Pendekatan ini telah mendapat reaksi positif daripada rakyat. Sehubungan itu Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah mekanisme penetapan harga runcit bagi petrol dan diesel yang sedang diguna pakai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 25

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan langkah-langkah baru yang telah diambil bagi mengangkat kualiti hasil pertanian seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan dan Agensi di bawahnya telah melaksanakan pelbagai langkah proaktif dan praktikal bagi mengangkat kualiti hasil pertanian seluruh negara.

Antara langkah-langkah yang telah dan sedang dilaksanakan adalah pelaksanaan program Skim Amalan Pertanian Baik bermula pada tahun 2002 yang telah dijenamakan semula pada Ogos 2013 sebagai pensijilan myGAP (*Malaysian Good Agricultural Practices*). Program ini membantu para petani dan usahawan menghasilkan keluaran pertanian yang berkualiti dan selamat dimakan melalui elemen-elemen seperti pengawalan proses dan aktiviti pengeluaran, perekodan dokumen yang teratur, pengawalan sisa buangan, dan pemantauan terhadap residu sisa racun perosak bagi tanaman dan residu ubatan bagi haiwan.

Selain itu, pelaksanaan myGAP juga memastikan alam sekitar dipulihara selain menjaga keselamatan serta kebajikan pekerja. Dengan pengamalan myGAP ini, produk keluaran pertanian berupaya diberi nilai tambah yang akan meningkatkan nilai pasaran sesuatu keluaran pertanian tersebut di pasaran. Jumlah pendaftaran pensijilan myGAP dari tahun 2002 hingga tahun 2018 adalah sebanyak 4000 ladang dengan keluasan 24,685.75 hektar termasuk Sabah dan Sarawak.

MOA telah mempermudah dan menambahbaik skim pensijilan myGAP yang meliputi elemen myGAP, rekod ladang, kaedah pengauditan dan tempoh masa proses pensijilan. Perubahan ini menyumbang kepada proses pensijilan yang dipercepatkan dari 2 tahun kepada 3 bulan tanpa berkompromi dengan sebarang pelanggaran akta sedia ada serta mematuhi keperluan Pematuhan myGAP. MOA juga berusaha untuk memastikan standard kualiti amalan pertanian baik yang dibangunkan memenuhi standard kualiti amalan pertanian baik yang dilaksanakan di peringkat antarabangsa bagi membolehkan pensijilan myGAP diterima dengan lebih meluas di pasaran antarabangsa.

Selain itu, MOA turut menjalankan pelbagai projek penyelidikan dan pembangunan bagi mengangkat kualiti hasil pertanian seluruh negara. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Pembangunan pelbagai varieti dan baka :

- (a) padi elit yang bukan sahaja mengeluarkan varieti hibrid, berhasil tinggi, tetapi juga varieti padi rintang racun seperti *imidazolinone*;
- (b) buah-buahan, sayur-sayuran dan kelapa seperti cili hibrid berhasil tinggi, varieti kubis bunga tanah rendah, varieti nanas toleran penyakit *bacterial heart rot* (BHR) dan *black heart disease* (BHD) serta tomato tanah rendah; dan
- (c) ternakan elit dan teknologi pengeluaran terkini bagi kacukan kambing Katjang x Boer, serta pakej lengkap teknologi

SOALAN NO : 25

pengeluaran lembu pedaging dalam sistem *breedlot* untuk penternak kecil.

2. Penghasilan makanan ternakan berkualiti dan kos efektif melalui teknologi pemakanan tepat (*precision feeding*) bagi baka lembu pedaging KK dan brakmas, serta baka kambing kacukan Katjang x Boer F3. Selain itu MOA turut membangunkan pakej teknologi makanan akuakultur berasaskan sumber protein baharu bagi ikan tilapia.

3. Teknologi fertigasi dan mekanisasi jentera juga digunakan tujuan pengairan dan pembajaan menambahkan kecekapan dan mengangkat kualiti hasil pertanian negara.

4. Membangunkan tanaman makanan alternatif seperti ubi keledek, ubi kayu, dan jagung dengan ciri-ciri berkualiti seperti:

- i. Berhasil tinggi dan mempunyai kandungan bahan bioaktif bermanfaat untuk kesihatan;
- ii. Tinggi sumber protein;
- iii. Tinggi biomas; dan
- iv. Tahan lasak kepada perubahan iklim.

Terkini, MOA juga telah melaksanakan sistem penjejakan produk (*traceability*) serta sistem 3P (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan) yang mengandungi elemen kebolehesakan bagi memastikan produk pertanian yang dihasilkan di seluruh negara diiktiraf dari segi kualiti dan sumber keluarannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B.TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
[REMPAU]
TARIKH : 03 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 26

Y.B.TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMPAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah syarikat dan entiti yang telah berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti bagi membolehkan mereka menjalankan operasi penggunaan dan pindah milik mata wang digital dan kripto yang telah digazetkan sebagai suatu bentuk sekuriti bermula Januari lalu dan apakah syarat-syarat utama pendaftaran dan regulasi yang dikenakan kepada syarikat serta entiti tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) telah menerima sejumlah 46 permohonan untuk didaftarkan sebagai pengendali Bursa Aset Digital (DAX) sehingga tarikh tutup pada 1 Mac 2019. Semakan dan penilaian kepada permohonan tersebut masih dijalankan dan sehingga kini SC masih belum mendaftar mana-mana pengendali DAX.
2. Keperluan bagi pendaftaran dan obligasi berterusan sesebuah pengendali DAX telah dinyatakan dalam garis panduan SC yang disemak semula, "*SC Guidelines on Recognized Market*" yang dikeluarkan pada 31 Januari 2019. Antara lain, keperluan dan obligasi teras sesebuah pengendali DAX termasuk :-
 - keperluan kewangan minimum;
 - mempunyai proses untuk memantau keperluan pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan;
 - mempunyai tadbir urus dan kawalan teknologi yang wajar;
 - pengasingan dan penjagaan wang pelanggan dan aset digital;
 - memastikan bahawa ia berupaya mengendalikan pasaran yang teratur, adil dan telus;
 - mempunyai peraturan dan prosedur bagi dagangan, penjelasan dan penyelesaian aset digital dan memastikan pematuhan terhadap peraturannya;
 - menyediakan penzahiran risiko bagi membolehkan pelabur memahami jenis risiko yang berkaitan dalam dagangan aset digital;
 - menjalankan program pendidikan dan kesedaran yang berterusan;
 - melaksanakan pemantauan pasaran;
 - mematuhi peraturan integriti pasaran seperti penghindaran aktiviti menyalah guna pasaran, dan memastikan maklumat yang telus dan

tepat tersedia kepada pihak awam; dan

- keperluan untuk mengemukakan pelaporan maklumat yang berterusan kepada SC.

3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keperluan-keperluan tersebut adalah bertujuan untuk menangani risiko yang berkaitan dengan aktiviti Bursa Aset Digital, termasuk risiko berkaitan pengubahan wang haram dan jenayah kewangan, perlindungan pelabur, keselamatan siber dan keselamatan penjagaan aset, dan integriti pasaran. Dagangan mana-mana Aset Digital juga adalah tertakluk kepada kelulusan SC.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP

TARIKH : 3.4.2019 (RABU)

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah sumbangan Pegawai Pemantau Harga (PPH) dalam membantu Kementerian memantau harga barangan di pasaran memandangkan Program Pemantauan Harga telah diwujudkan lebih 10 tahun dan apakah perancangan Kementerian dalam memastikan kesinambungan kutipan data harga barangan keperluan rakyat diteruskan pada masa akan datang.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah memperkenalkan Program Pemantauan Harga di bawah Sekretariat Majlis Harga Barangan Negara sejak tahun 2008. Program ini bertujuan mengukuhkan mekanisma pemantauan harga dan membangunkan pangkalan data harga yang komprehensif dalam menangani isu kenaikan harga barangan.

Rentetan itu, seramai **1,012 Pegawai Pemantau Harga** daripada kalangan graduan ijazah sarjana muda telah dilantik secara *Contract for Service* bagi melaksanakan kutipan harga secara berkala di **15,808 premis**.

Pelaksanaan pemantauan dan penyediaan laporan oleh Pegawai Pemantau Harga menyumbang kepada usaha-usaha KPDNHEP bagi mengawal harga barangan di seluruh negara. Antaranya ialah:-

a) Pendayaupayaan Pengguna

Kutipan data PPH menjadi sumber rujukan kepada pengguna yang terdiri daripada 30 juta rakyat Malaysia. Paparan harga ini boleh dicapai oleh

pengguna melalui Portal InfoPengguna.com dan Aplikasi *Price Catcher*. Aplikasi ini dibangunkan untuk memudahkan pengguna menyemak dan membandingkan harga barangan di premis-premis berhampiran. Melalui perbandingan ini, pengguna boleh membuat pilihan premis yang memberikan harga terbaik dan berpatutan dan seterusnya merancang perbelanjaan mengikut kemampuan.

b) Merangka Dasar Kerajaan

Kementerian sentiasa menjalankan analisa terhadap data harga menggunakan *Business Intelligent Tools* dan perisian-perisian lain. Analisa-analisa ini adalah untuk membantu Kerajaan merangka dasar berkaitan harga barangan seperti Skim Kawalan Harga Musim Perayaan. Data dan analisa harga ini juga akan digunakan sebagai sumber rujukan dalam usaha melaksanakan strategi dan pelan tindakan yang proaktif bagi mendepani cabaran kenaikan kos sara hidup dan membantu mengurangkan bebanan rakyat dengan lebih berkesan dan efektif. Selain dari itu, maklumat data harga ini juga membantu kerajaan dalam pelaksanaan dasar-dasar baharu seperti pelaksanaan GST 0% mulai 1 Jun 2018 dan SST pada 1 September 2018.

c) Penguatkuasaan Undang-Undang

Data harga digunakan di dalam sistem *Price Alert* iaitu sistem yang mengesan perubahan harga. Sekiranya *Price Alert* ini mengesan perubahan harga yang mendadak, siasatan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 akan dijalankan oleh Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP untuk mengesan sama ada terdapat kegiatan pencatutan mengikut barangan dan lokasi.

Kementerian sememangnya menghargai sumbangan-sumbangan yang telah diberikan oleh Pegawai Pemantau Harga dalam membantu menangani isu kenaikan harga barangan. Pada masa kini, Kementerian dalam perancangan penyusunan semula dalam menjadikan Program Pemantauan Harga ini sebagai aktiviti tetap Kementerian ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT
NAWI
(TUMPAT)

TARIKH : 03 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 28

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap majikan-majikan yang telah melanggar garis panduan khususnya tidak membenarkan pekerja Islam menunaikan kewajipan solat Jumaat seperti yang sangat berleluasa ketika ini.

PN-1412- L03978

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan Garis Panduan Menunaikan Solat Dalam Waktu Kerja. Garis Panduan ini adalah sebagai panduan kepada para majikan dalam memudahkan pelaksanaan obligasi kepada seseorang pekerja muslim dan pekerja menunaikan solat dalam waktu kerja.
2. Garis Panduan ini juga bertujuan untuk memberi panduan dan penerangan kepada majikan dan pekerja berkaitan kebenaran kepada pekerja untuk menunaikan solat dalam waktu kerja dan pada masa yang sama mematuhi peruntukan berkaitan waktu bekerja sebagaimana yang ditetapkan di bawah Akta Kerja 1955. Adalah menjadi hasrat Kerajaan agar semua majikan dan pekerja dapat memahami peranan masing-masing agar garis panduan ini dapat dilaksanakan dengan berkesan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU

TARIKH : 3.04.2019 (RABU)

Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan mengapakah harga diesel di pasaran lebih tinggi berbanding harga RON95. Apakah formula yang digunakan bagi mengira harga minyak tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman ahli dewan yang mulia, harga pasaran bagi kos produk diesel pada ketika ini berada pada paras USD79 setong berbanding petrol RON95 iaitu pada paras USD67 setong. Kos produk bagi diesel adalah lebih tinggi kos produk petrol RON95 disebabkan oleh perkara-perkara seperti berikut:

1. Peningkatan permintaan bagi produk diesel terutama dari negara Republik Rakyat China; dan
2. Peningkatan pengeluaran produk petrol di pasaran global.

Seperti mana ahli dewan yang mulia ini sedia maklum, pengiraan dan penetapan harga jualan runcit petrol dan diesel secara mingguan adalah menggunakan mekanisme ***Automatic Pricing Mechanism (APM)***.

Namun, selaras dengan janji Kerajaan untuk menstabilkan harga runcit diesel melalui penetapan harga siling, harga diesel telah dikekalkan pada RM2.18 seliter sejak 26 Januari 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TUAN IBRAHIM BIN TUAN MAN
[KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 13 MAC 2019 (RABU)

SOALAN NO. 30

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan status terkini rumah pam KADA bagi pengairan sawah di Pengkalan Kubor, Salor.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rumah pam Salor membekalkan air untuk kawasan tanaman padi di bawah *Skim Pengairan Salor Lama* seluas 530 hektar iaitu bagi kawasan tanaman padi Jajahan Kota Bharu Utara. Rumah pam ini tidak lagi beroperasi sejak tahun 1987 kerana mengalami kerosakan yang sukar diperbaiki kerana ketiadaan alat ganti. Ini adalah kerana rumah pam tersebut dibina pada tahun 1948.

Bagi mengatasi masalah tersebut, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) telah membina pam *booster* Kampung Jenerih untuk membekalkan air ke sawah padi bagi kawasan berkenaan.

Pam ini mendapat bekalan air daripada rumah pam Kemubu. Walau bagaimanapun, pada masa ini paras air Sungai Kelantan berada di bawah paras 4.5 meter menyebabkan rumah pam Kemubu tidak dapat beroperasi sepenuhnya.

KADA juga telah mengambil beberapa tindakan segera iaitu membekalkan pam mudah alih (*backward pump*) serta menggali *tube well* di kawasan tanaman padi yang bermasalah. Selain daripada itu juga, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan kerjasama Jabatan Metereologi Malaysia akan melaksanakan pembenihan awan di kawasan tanaman padi yang mengalami gangguan bekalan air.

Sebagai perancangan jangka panjang, KADA merancang untuk membaik pulih rumah pam Salor Lama yang telah ditutup dan akan memohon peruntukan di bawah RMKe-12 dengan anggaran RM7.5 juta untuk meningkatkan kecekapan bekalan air ke sawah padi di kawasan tersebut.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN (PONTIAN)

TARIKH : 3 APRIL 2019

SOALAN NO. 31

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah pekerjaan baru dalam bidang pembuatan dan perdagangan untuk tahun 2017, 2018 dan jangkaan tahun 2019. Apakah usaha-usaha untuk pastikan jumlah itu bertambah, berapa bilangan bergaji tinggi dan berapa peratus pekerja tempatan dibanding pekerja asing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited dalam mengukuhkan usaha untuk terus menarik pelaburan asing ke dalam negara yang secara langsung akan mencipta peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia. Prestasi pelaburan bagi tahun 2018 telah mencatatkan peningkatan sebanyak 37 peratus dengan nilai pelaburan sebanyak RM87.4 billion bagi sektor pengilangan berbanding tahun sebelumnya.

Jumlah pekerjaan baru yang bakal dijana dalam sektor pembuatan berdasarkan projek yang diluluskan untuk tahun 2017 adalah sebanyak 56,431 pekerjaan. Daripada jumlah itu, bilangan pekerjaan bergaji tinggi (iaitu pekerjaan yang bergaji RM5,000 dan ke atas) adalah sebanyak 6,554 pekerjaan bagi rakyat tempatan dan 1,456 pekerjaan bagi rakyat asing. Manakala bagi tahun 2018, sebanyak 59,294 pekerjaan akan dicipta yang mana bilangan pekerjaan bergaji tinggi adalah sebanyak 4,842 pekerjaan bagi rakyat tempatan dan 1,107 pekerjaan bagi rakyat asing.

Jumlah pekerjaan baru dalam sektor pembuatan untuk tahun 2019 pula adalah berdasarkan *pipeline projects* sehingga Februari 2019 adalah sebanyak 27,359. Berdasarkan senarai *pipeline projects* tersebut, adalah dijangkakan bahawa lebih banyak pekerjaan yang akan diwujudkan setelah projek-projek tersebut diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menggalakkan pelaburan yang bercirikan teknologi, inovasi dan nilai ditambah tinggi serta berintensifkan pengetahuan dan modal, Kerajaan telah mempergiatkan usaha untuk meningkatkan jumlah pekerjaan mengikut keperluan industri. Antara usaha-usaha Kementerian adalah seperti berikut:

- i. Program *MIDA Apprenticeship* bertujuan untuk mengurangkan isu kekangan atau *mismatch* antara tenaga kerja tempatan dan pihak industri. Program ini adalah kolaborasi antara MIDA, *Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)* dan Kementerian Pendidikan (MOE). Program ini menawarkan latihan kemahiran selama dua tahun kepada pelajar tempatan yang mana mereka ini akan diserapkan ke dalam industri di akhir tempoh latihan.; dan
- ii. Program *Talent Facilitation* bersama pihak industri untuk mengenalpasti jurang bakat dan kemahiran bagi memenuhi keperluan modal insan industri.

Selain itu, bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam sektor perkilangan, Kementerian ini telah memperkenalkan beberapa inisiatif seperti berikut:

- i. Menggalakkan syarikat-syarikat sektor perkilangan supaya mempertingkatkan pelaksanaan automasi dalam proses pembuatan dengan menyediakan dana seperti *Soft Loan Scheme for Automation and Modernisation (SLSAM)* di bawah seliaan *Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)*. Selain itu, Kementerian telah menyediakan insentif seperti *Automation Capital Allowance (ACA)*, Elaun

Pelaburan Semula atau *Reinvestment Allowance (RA)* dan Dana Strategik Pelaburan Domestik atau *Domestic Investment Strategic Fund (DISF)* di bawah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) untuk kegunaan industri;

ii. Menggalakkan syarikat-syarikat sektor perkilangan supaya menjalankan program mempertingkatkan produktiviti seperti *Lean Management Programme* di bawah *Malaysia Productivity Corporation (MPC)* serta kerjasama industri-akademik dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang lebih tinggi untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti di bawah seliaan MIDA; dan

iii. Pelancaran Dasar Industri 4.0 Nasional (*Industry4WRD*) yang bertujuan untuk membangunkan sektor pembuatan pintar. Salah satu sasaran utama Dasar tersebut adalah untuk meningkatkan tahap produktiviti sektor perkilangan sebanyak 30 peratus serta meningkatkan jumlah pekerja berkemahiran tinggi daripada 18 peratus ke 35 peratus.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI (LABUAN)

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian bersedia untuk menyerahkan tanah tapak Pangkalan Tentera Laut di Tanjung Batu, Labuan untuk pembangunan berkaitan komersial dan pelancongan memandangkan operasi tentera laut sudah berpindah daripada Labuan ke Sepanggar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan tiada cadangan untuk menyerahkan tanah tapak Pangkalan Tentera Laut di Tanjung Batu, Labuan untuk pembangunan komersial dan pelancongan.

Tanah berkenaan masih digunakan sebagai Pangkalan TLDM di Labuan dengan menempatkan Unit Pengawasan Senggara (UPS) TLDM Timur dan Pasukan Simpanan Tentera Laut (PSTL) Labuan. UPS TLDM Timur merupakan unit yang mengawasi segala kerja-kerja pembaikan kapal-kapal serta bot-bot TLDM yang dilaksanakan di Malaysia Timur. Manakala PSTL Labuan adalah unit yang mengendalikan latihan pasukan simpanan TLDM di Labuan. Selain itu juga, TLDM turut merancang untuk membina rumah keluarga bagi memberi kemudahan perumahan kepada pegawai dan anggota yang bertugas di Labuan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 3 APRIL 2019

SOALAN : 33

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menangani kes-kes kecurian bot nelayan yang disyaki didalangi oleh warganegara asing khasnya kes yang melibatkan kecurian beberapa bot nelayan seperti mana berlaku di Port Dickson yang dipercayai berpangkalan di Pulau Rupert, Selat Melaka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kes kehilangan bot dan enjin bot serta peralatan menangkap ikan di kawasan pantai dan perairan Port Dickson, Negeri Sembilan yang direkodkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tahun 2017 dan 2018 adalah sebanyak 14 kes.

Bagi menangani kes kecurian ini, pelbagai usaha telah dilakukan oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Pasukan Gerakan Marin PDRM seperti berikut:-

- i) Meningkatkan rondaan di sepanjang pantai dan perairan oleh PDRM dan APMM dan menjalin kerjasama dengan Persatuan Nelayan tempatan untuk menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa;

ii) Meningkatkan keupayaan rondaan di perairan negara melalui penggantian dan pembinaan kapal-kapal yang lebih moden seperti berikut:-

a) Pembinaan 6 buah kapal ronda generasi baru (NGPC) dalam pelan penggantian kapal-kapal yang telah uzur. Pembinaan kapal-kapal tersebut telah siap sepenuhnya pada tahun 2018 dan telah mula beroperasi di perairan negara;

b) Membuat perolehan 3 buah *Offshore Patrol Vessel* (OPV) yang masih dalam pembinaan dan dijangka siap pada tahun 2020. Peranan besar bagi kapal ini adalah melaksanakan pengoperasian secara optimum dengan kapasiti yang besar serta kemampuan untuk berada di laut dengan lebih lama menjadikan ia sebagai kapal kawalan pintu masuk utama di sepanjang perairan Negara; dan

c) Pelan penggantian kapal-kapal Maritim Malaysia melalui Pelan Perancangan Strategik APMM 2040 akan diteruskan dengan fasa kedua iaitu sebanyak 3 buah kapal OPV, 30 buah bot serta penambahbaikan prasarana telah diluluskan dalam RMK-11 RP4. Kesemua kapal-kapal baharu Maritim Malaysia juga turut dilengkapi dengan *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) serta boleh mengoperasikan sebuah pesawat helikopter bagi memantapkan keberkesanan operasi Maritim Malaysia dalam menguatkuasakan undang-undang maritim.

Adalah diyakini dengan segala usaha yang dilakukan, keselamatan perairan negara dapat dikawal pada tahap yang maksimum daripada sebarang pencerobohan dan nelayan-nelayan tempatan boleh mencari rezeki dengan selamat dan terkawal.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03 APRIL 2019 (RABU)

**DARIPADA : Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary
[Pengkalan Chepa]**

SOALAN : 34

Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah alasan keengganan pihak Kerajaan mendedahkan laporan Majlis Penasihat Kerajaan.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA MAIDIN
TIMBALAN MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Majlis Penasihat Kerajaan atau Council of Eminent Persons (CEP) telah diumumkan penubuhannya pada 12 Mei 2018 dan mereka telah tamat melaksanakan tugas pada 19 Ogos 2018. Matlamat utama penubuhan Majlis ini adalah untuk menasihatkan Kerajaan dalam bidang ekonomi, kewangan serta bidang-bidang lain yang perlu diberi perhatian mengikut keadaan dari semasa ke semasa.
2. Antara lain, CEP telah menubuhkan pasukan-pasukan petugas khas untuk mendalami dan mengkaji isu-isu berkaitan termasuk projek-projek mega yang diluluskan pentadbiran terdahulu. Selain itu, Jawatankuasa Reformasi Institusi (IRC) yang ditubuhkan di bawah CEP pada 15 Mei 2018 adalah merupakan sebahagian daripada komitmen Kerajaan untuk mengembalikan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap institusi-institusi utama Negara.
3. Seperti mana pernah dimaklumkan sebelum ini, Pihak Kerajaan telah pun menerima laporan cadangan penambahbaikan yang disyorkan oleh CEP. Walau bagaimanapun, sama ada cadangan-cadangan yang dikemukakan di dalam Laporan berkenaan diterima atau tidak tertakluk kepada pertimbangan Jemaah Menteri. CEP hanya berperanan sebagai badan penasihat yang tidak mempunyai kuasa atau peruntukan di bawah Perlembagaan ataupun undang-undang Negara. Ini bermakna, Kerajaan sama sekali tidak terikat untuk menerima cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh CEP.
4. Setakat ini, laporan-laporan tersebut diteliti dan hanya akan didedahkan kepada umum dari semasa ke semasa sekiranya bersesuaian.

5. Apa yang penting ialah tindakan-tindakan pembetulan diambil dan Kerajaan mendapat pandangan profesional daripada pakar-pakar dalam bidang masing-masing yang dapat membantu Kerajaan membuat keputusan yang terbaik demi kepentingan negara dan kesejahteraan rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 3 APRIL 2019 [RABU]

SOALAN NO. 35

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan perkembangan terkini mengenai rancangan untuk menghapuskan hutang tidak wajar para peneroka FELDA.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutang peneroka dikategorikan kepada tiga kategori iaitu hutang Pembangunan Kebun (terdiri daripada hutang Pembangunan Asal dan Pembangunan Tanam Semula), hutang Sosio Ekonomi (terdiri daripada hutang Pinjaman Pembesaran Rumah, Pinjaman Saham FGV, Skim Insentif Usahawan, Pinjaman Pelajaran Tinggi dan Pinjaman Komputer) dan hutang Baja.
2. Berdasarkan hutang peneroka di ketiga-tiga kategori di atas, hutang Pinjaman Pembangunan Tanam Semula adalah penyumbang terbesar kepada hutang peneroka. Pembangunan tanam semula perlu dilaksanakan apabila ladang tidak lagi ekonomik iaitu pengeluaran hasil rendah dan perbelanjaan kos operasi tinggi. Daripada aspek fizikal tanaman, pokok sawit telah berusia 25 tahun di mana ketinggian pokok melebihi 40 kaki. Majoriti peneroka memerlukan bantuan FELDA untuk menanam semula disebabkan faktor kewangan, kemahiran dan tenaga untuk melaksanakan kerja penanaman semula. Namun, tidak dinafikan terdapat juga sebahagian kecil peneroka yang berkemampuan untuk membuat penanaman semula dengan dana mereka sendiri.
3. Hutang Pinjaman Pembangunan Tanam Semula ini dipecahkan kepada dua komponen iaitu kos operasi ladang dan pembiayaan peneroka. Kos operasi ladang adalah kerja-kerja pertanian sebelum, semasa dan selepas menanam sehingga pokok berhasil sampai titik pulang modal. Manakala komponen pembiayaan peneroka pula adalah Pinjaman Sara Hidup dan Pinjaman Pendahuluan Hasil. Ia diberikan kepada peneroka sejak tahun 1994 bagi membiayai pendapatan peneroka ketika tempoh tanam semula.

4. Kementerian mengambil maklum berkaitan hutang Pembangunan Tanam Semula ini juga dikenakan faedah pada kadar kadar efektif 3.8%. Selain itu, kos jalan pertanian dan isu berkaitan bekalan baja dan lain-lain input pertanian bagi kebun-kebun peneroka juga memberi kesan kepada hutang peneroka.
5. Justeru, Kerajaan meneliti secara menyeluruh isu hutang tidak wajar untuk mencari penyelesaian yang terbaik. Perkara ini menjadi sebahagian daripada hala tuju dalam menangani isu-isu yang dibebankan kepada peneroka FELDA. Perincian isu dan langkah penyelesaian akan dicerakinkan dalam pembentangan Kertas Putih FELDA yang akan dibentangkan dalam sidang Parlimen kali ini.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
3 April 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN
TUANKU JAAFAR (SANTUBONG)**

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. : 36

Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan sama ada kajian oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dan *Forest Research Institute Malaysia* (FRIM) berhubung dengan perancangan untuk mengubah Dasar Perhutanan Negara kepada hutan simpanan kekal dan peladangan hutan diteruskan dan bila siap. Kalau tidak kenapa.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Perhutanan Negara 1978 telah dipinda pada 25 Ogos 1978 dan seterusnya diluluskan oleh Majlis Tanah Negara pada 19 November 1992. Pelaksanaan Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992) yang terpakai di Semenanjung Malaysia turut merangkumi pengisytiharan Hutan Simpanan Kekal dan ladang hutan. Walau bagaimanapun, Kementerian melalui Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) kini dalam usaha mengkaji dan menyediakan suatu Dasar Perhutanan Semenanjung Malaysia yang lebih menyeluruh untuk memastikan sektor perhutanan terus menyumbang ke arah pencapaian pembangunan negara. Dasar ini dijangka siap pada penghujung tahun 2019.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 37

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah perancangan untuk memperhebatkan penanaman kelapa di Sarawak. Apakah prospek pemasaran dan harga pasaran tanaman kelapa di masa hadapan. Apakah insentif yang sedia ada untuk pekebun kelapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, tanaman komoditi kelapa telah dikenalpasti sebagai Sumber Kekayaan Baharu (SKB) memandangkan komoditi ini mempunyai permintaan yang tinggi, pasaran yang luas dan dapat meningkatkan pendapatan petani. Bagi perancangan untuk memperhebatkan penanaman kelapa terutamanya di Negeri Sarawak, Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM10.7 juta (2016-2018) bagi menyediakan penanaman baru dan pemulihan kelapa.

Prospek pemasaran kelapa tua biji di Malaysia adalah tinggi kerana berdasarkan kepada statistik penggunaan kelapa tua biji, penawaran bekalan kelapa tua biji dalam negara dan jumlah pengimportan bagi memenuhi keperluan pengguna. Keperluan sebenar tahunan kelapa tua biji di Malaysia berdasarkan kepada sumber daripada Jabatan Pertanian adalah berjumlah 750 juta biji dan negara kita kekurangan bekalan kelapa tua biji berjumlah 260 juta biji.

SOALAN NO: 37

Purata kelapa tua biji yang diimport daripada luar negara adalah berjumlah 100 juta biji setahun untuk keperluan industri dan pasaran segar. Tren harga purata tahunan di peringkat runcit bagi kelapa tua biji di Malaysia adalah seperti berikut :-

2016	2017	2018
RM 2.10/biji	RM 2.45/biji	RM 2.70/biji

Kementerian melalui Agensi FAMA sebagai penstabil harga kelapa di Malaysia dengan menetapkan harga lantai RM 1.10/biji untuk gred premium sekiranya berlaku penurunan harga kelapa di peringkat ladang dan secara tidak langsung dapat membantu kumpulan sasar.

Bagi insentif yang sedia ada untuk pekebun kelapa, bantuan utama kepada para peserta di bawah program ini adalah dalam bentuk penyediaan tapak kawasan, bahan tanaman, baja, racun dan peralatan ladang. Kadar bantuan bagi 1 hektar bagi program Tanaman Baru dan Tanaman Kelapa Berhasil Tinggi Selingan dengan Tanaman Jangka Pendek adalah RM16,800. Bagi program Pemulihan Kebun Tanaman Kelapa, bantuan sebanyak RM5,000 sehektar diberikan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN [KUALA KRAI]

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 38

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- a) apakah langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk menyelesaikan masalah ketidakcukupan doktor di hospital Kerajaan; dan
- b) apakah langkah yang diambil untuk menangani masalah tekanan mental yang dihadapi oleh doktor yang semakin meningkat.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sehingga Disember 2018, jumlah keseluruhan pegawai perubatan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah seramai 32,565 iaitu merangkumi 5,322 Pegawai Perubatan Pakar dan 27,243 Pegawai Perubatan. Jumlah tersebut disokong lagi dengan 11,487 pegawai perubatan siswazah yang berkhidmat di 47 Hospital Latihan Siswazah di seluruh negara.

Pada tahun 2017, nisbah doktor kepada penduduk adalah 1 doktor perubatan kepada 554 penduduk Malaysia. Nisbah ini menunjukkan penambahbaikan berbanding pada tahun 2002 iaitu 1 doktor kepada 1,406 penduduk Malaysia. Ini adalah berikutan, peningkatan peratusan doktor (KKM) dan bukan (KKM) berbanding keseluruhan doktor yang berkhidmat di seluruh negara meningkat dari tahun ke tahun. Manakala, sasaran nisbah doktor kepada penduduk bagi tahun 2020 adalah 1 doktor kepada 450 penduduk.

Bagi menambahbaik lagi perkhidmatan kepada rakyat khususnya dalam perkhidmatan kepakaran, antara langkah-langkah yang diambil adalah:

- i. Melaksanakan konsep hospital kluster iaitu meningkatkan perkongsian kemudahan antara hospital bagi membolehkan pakar perubatan dan pegawai perubatan menyampaikan rawatan kesihatan dalam lingkungan hospital-hospital yang diklusterkan;
- ii. Melaksanakan konsep *Visiting Specialist* (dengan izin) bagi pakar perubatan menyampaikan rawatan kepada penduduk di hospital sekitar luar bandar;
- iii. Meningkatkan fleksibiliti perjawatan melalui pemindahan jawatan pakar perubatan dari suatu hospital pakar ke hospital pakar lain mengambil kira peningkatan kes dan keperluan perkhidmatan;

- iv. Menggalakkan lebih ramai Pegawai Perubatan melanjutkan pengajian dalam program Sarjana Kepakaran di universiti awam menerusi peningkatan tajaan Hadiah Latihan Persekutuan daripada 800 slot pada tahun 2009 kepada 1,100 slot pada tahun ini;
- v. Meningkatkan lebih banyak peluang latihan kepakaran perubatan melalui Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway*; dan
- vi. Memperkenal dan menambahbaik insentif untuk mengekalkan Pegawai Perubatan Pakar di KKM.

Yang di Pertua,

Masalah kesihatan mental berlaku apabila seseorang individu mengalami gangguan emosi atau perasaan yang boleh menyebabkan fungsi kehidupan sehari-hari terganggu tetapi tidak sampai kepada tahap penyakit mental seperti stres, keresahan dan kemurungan harian.

Antara tekanan mental yang boleh dihadapi doktor adalah ketakutan untuk membuat kesilapan sewaktu kerja yang boleh membawa kepada akibat yang serius, beban kerja yang tinggi, bekerja dengan rakan-rakan yang tidak berkerjasama dan merasa kurang dibayar.

Antara langkah-langkah yang diambil bagi menangani masalah tekanan mental yang dihadapi oleh doktor yang di peringkat Kementerian Kesihatan adalah:

- i. Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) akan diberikan kaunseling dan pendedahan kepada kerjaya perubatan semasa induksi sebelum memulakan *housemanship training (dengan izin)* untuk menyediakan mereka untuk beban kerja yang tinggi;

- ii. Doktor–doktor diberikan pilihan untuk bertugas di hospital lain jika mereka mendapati bahawa bekerja di satu tempat tertentu membawa tekanan;
- iii. Menyediakan garis panduan rujukan bagi pegawai perubatan yang mempunyai masalah kesihatan mental dimana mereka akan terus dirujuk kepada pakar perubatan yang tertentu bagi rawatan yang tertentu;
- iv. Menyediakan perkhidmatan kaunseling bagi doktor yang inginkan perkhidmatan secara sukarela. Bagi individu dikenalpasti mengalami masalah kesihatan mental, mereka dirujuk kepada perkhidmatan kaunseling atas persetujuan dan sekiranya tidak dapat ditangani akan dirujuk kepada pakar; dan
- v. Berkolaborasi dengan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menubuhkan talian *hotline* bebas tol 24 jam *Helpdoc* sejak Ogos 2017 untuk membantu para doktor yang menghadapi tekanan kerja dan masalah peribadi, kementerian bekerjasama dengan MMA untuk menangani aduan yang diterima.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD
MOHD NASIR [JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 3 APRIL 2019

SOALAN NO. 39

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan

- a) statistik perniagaan kecil dan sederhana (SME) tempatan yang melibatkan diri dalam pasaran eksport melalui kerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE): dan
- b) sektor atau industri perniagaan tempatan yang memiliki permintaan tinggi di pasaran antarabangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2018, sebanyak 16,728 pengeksport telah menyertai program-program yang dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) di mana majoriti pengeksport ini merupakan syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana atau lebih dikenali sebagai PKS.
2. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui (MATRADE) telah merangka program khusus untuk membimbing usahawan PKS ke pasaran global.

3. Antara program promosi eksport yang dikelolakan oleh MATRADE untuk membantu PKS menerokai pasaran eksport adalah:

- i. Pameran Perdagangan Luar Negara;
- ii. Misi Perdagangan, Pelaburan dan Perniagaan;
- iii. *Export Acceleration Mission*;
- iv. *International Sourcing Programme*, dengan izin; dan
- v. *Malaysia International Halal Showcase* (MIHAS), dengan izin yang dianjurkan oleh MATRADE.

4. MATRADE juga melaksanakan program pembangunan pengeksport seperti:

- i. Program *Going Export* (Go-Ex), dengan izin;
- ii. bengkel dan seminar berkaitan pasaran eksport dan persediaan produk/perkhidmatan ke pasaran eksport;
- iii. Program eTrade, dengan izin; dan
- iv. Program Pembangunan Pengeksport untuk usahawan PKS Bumiputera, Wanita dan Belia (BWYEDP).

Tuan Yang di-Pertua,

5. Pihak Kementerian juga telah mengenal pasti sektor atau industri yang memiliki potensi pertumbuhan di pasaran antarabangsa di samping mempunyai nilai tambah (*value added*) yang tinggi.

6. Bagi meningkatkan eksport produk tersebut, strategi jangka panjang sedang dirangka dengan penekanan diberikan kepada sektor utama seperti elektrik dan elektronik; minyak sawit; kimia dan bahan kimia; mesin & kelengkapan; barangan perkilangan logam; barangan optik dan saintifik; petrokimia; peralatan perubatan dan farmaseutikal, barangan makanan diproses; kelengkapan pengangkutan; tekstil, pakaian dan kasut; dan automotif dan komponen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]**

TARIKH : 3 APRIL 2019

SOALAN : 40

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilakah pihak Kerajaan akan membuka semula sempadan Wang Klian sebagai kawasan bebas gerak (Zon Bebas Gerak) seperti dalam jarak 3 KM sebelah sempadan Malaysia dan Thailand seperti yang dilaksanakan pada masa yang lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Immigration and Passport (Wang Kelian Free Flow Zone) (Exemption) Order 2009 (P.U.(A) 243/2009) merupakan satu perintah yang mengecualikan rakyat Thailand dari keperluan mendapatkan pas lawatan dan keperluan mengemukakan pasport ke kawasan pintu masuk Wang Kelian di Malaysia serta mengecualikan rakyat Malaysia daripada keperluan mengemukakan pasport ke kawasan Wang Prachan di Thailand. Perintah Pengecualian ini mula berkuatkuasa sejak 19 Jun 2009 dan kemudahan tersebut diberikan bermula dari jam 8 pagi sehingga jam 7 malam sahaja.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah menghentikan kemudahan keluar masuk (*free flow*) di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (*Immigration, Customs, Quarantine and Security – ICQS*) Wang Kelian bermula 1 April 2015 bertujuan untuk menguatkuasakan akta dan peraturan berkaitan kawalan keluar dan masuk Malaysia. Ini bermakna rakyat Malaysia yang ingin menyeberangi sempadan perlu melalui pintu masuk yang diwartakan dan perlu mempunyai pasport antarabangsa dan dokumen perjalanan yang sah seperti pas sempadan dan begitu juga sebaliknya untuk rakyat Thailand. Pelaksanaan ini dilaksanakan segera berikutan sebagai langkah kawalan pergerakan keluar masuk dan kawalan sempadan bagi menyekat dan mengekang ancaman serta penyeludupan barangan terlarang yang dilihat menjadi ancaman kepada negara. Langkah ini akan diteruskan dan pada masa ini, Kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan semula kemudahan keluar masuk (*free flow*) antara Wang Kelian di Malaysia dan Wang Prachan di Thailand atas faktor-faktor keselamatan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]

TARIKH : 3.4.2019 (RABU)

SOALAN : 41

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapa ramaikah usahawan luar bandar yang dilatih telah keluar daripada masalah kemiskinan dan tidak lagi memerlukan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, program-program latihan Usahawan Luar Bandar tidak tertumpu kepada kumpulan sasar yang terdiri daripada penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Namun demikian, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) ada mengadakan Program Latihan dan Kerjaya yang menyediakan bantuan bagi mengikuti kursus latihan kemahiran dan Kemahiran Yayasan MLVK (SKM I dan Sijil Kemahiran Malaysia SKM II) untuk golongan miskin tegar, miskin dan berpendapatan rendah (B40) serta berdaftar dalam Bank Data Kemiskinan Nasional (e-Kasih).

Program ini memberikan impak yang positif kepada peserta iaitu samaada mendapat pekerjaan atau membuka perniagaan sendiri dan seterusnya menambah pendapatan peserta yang dahulunya tidak mempunyai berpendapatan atau berpendapatan rendah. Kursus yang ditawarkan merangkumi bidang-bidang seperti Pembuatan dan Mekanikal, Pembinaan dan Kejuruteraan, Kesihatan dan Kecantikan, Pelancongan dan Hospitaliti serta Teknologi Terkini.

Sepanjang tahun 2016 hingga 2018, jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM55 juta serta memberi manfaat kepada seramai 6,790 peserta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' MASIR KUJAT [SRI AMAN]

TARIKH : 3 APRIL 2019

SOALAN : Dato' Masir Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk membawa balik 47 rakyat Malaysia yang terkandas serta ditipu di Kamboja baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sri Aman di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua

2. Kementerian Luar Negeri melalui Kedutaan Besar Malaysia di Phnom Penh telah mengambil pendekatan pro-aktif dalam usaha membebaskan 47 orang warganegara Malaysia yang ditahan di Kemboja akibat ditipu oleh sindiket mencari pekerjaan di sana. Pihak Kedutaan telah terbabit dalam siri-siri lawatan konsular, perbincangan dan perundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan bagi tujuan tersebut. Pada masa yang sama, pihak Kedutaan berusaha memastikan kebajikan para tahanan sentiasa terpelihara.

3. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, YB Menteri Luar Negeri sendiri telah menghubungi Tuan Yang Terutama Prak Sokhonn, Timbalan Perdana Menteri, merangkap Menteri Luar Negeri dan Kerjasama Antarabangsa Kemboja untuk meminta bantuan dan kerjasama beliau dalam menyelesaikan kes ini dengan segera. Ini

membuktikan bahawa hubungan dua hala yang erat di antara kedua-dua buah negara telah membuahkan hasil yang amat positif.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Kementerian memandang serius isu penipuan pekerjaan dengan tawaran gaji lumayan di luar negara. Dalam hal ini, orang ramai sentiasa dinasihatkan untuk mendapatkan pengesahan terlebih dahulu tentang tawaran pekerjaan seumpama ini. Penggunaan visa ke luar negara juga perlulah bersesuaian dengan tujuan perjalanan iaitu samada untuk melancong atau bekerja. Di samping itu, kontrak pekerjaan yang ditawarkan perlu diteliti sewajarnya untuk mengelakkan diri daripada menghadapi sebarang masalah kelak.

5. Warganegara Malaysia yang ragu-ragu dengan tawaran pekerjaan di luar negara boleh menghubungi Kementerian dan Perwakilan Malaysia yang berkenaan bagi mendapatkan khidmat nasihat sewajarnya. Pihak Kementerian dan Perwakilan sentiasa bersedia untuk membantu dalam hal ini.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]
TARIKH : 3.4.2019 (RABU)

SOALAN NO. 43

Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- a) statistik kebolehpasaran pelatih di Kolej Vokasional (KV) dan Kolej Komuniti terkini dan; dan
- b) langkah penambahbaikan yang bakal diambil Kementerian bagi kedua-dua institusi pendidikan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

a) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa statistik kebolehpasaran graduan Kolej Vokasional (KV) pada tahun 2018 adalah sebanyak 79.29 peratus. Untuk makluman, kadar peratusan tersebut diambil kira selepas empat (4) bulan murid KV tamat pengajian dan kadar peratusan dijangka akan meningkat. Manakala jumlah kebolehpasaran graduan Kolej Komuniti adalah sebanyak 96.6 peratus.

b) KPM percaya sistem pendidikan TVET akan terus berperanan sebagai **game changer** dalam menghasilkan modal insan berkemahiran tinggi dan meningkatkan daya saing tenaga kerja tempatan serta menjadi enjin pembangunan negara. Sehubungan itu, KPM selaku penyedia pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) akan sentiasa

komited untuk menambah baik Kolej Vokasional dan Kolej Komuniti melalui langkah-langkah berikut:

1. memastikan kualiti TVET;
2. memperkasa kerjasama antara industri; serta
3. mempergiat kolaborasi merentas institusi TVET.

Semua perkara ini menjadi keutamaan KPM dalam melaksanakan penambahbaikan institusi TVET KPM. Usaha berterusan untuk meningkatkan keupayaan institusi dan sistem TVET hendaklah dipastikan agar terus kekal kompetitif dan menepati kehendak pasaran.

Sekian, terima kasih.

RJM 117

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAPAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [BINTULU]

TARIKH : 1 APRIL 2019 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan :-

- (a) apakah langkah-langkah yang dirancang oleh pihak Kementerian untuk meningkatkan pengeluaran kelapa sawit kepada luar negara untuk tahun 2019 dan seterusnya mahupun dalam jangka masa pendek atau jangka masa panjang ; dan
- (b) apakah inisiatif yang diambil oleh pihak Kementerian dalam usaha untuk meringankan beban para peladang kecil memandangkan pasaran sedunia terjejas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara masalah utama yang dihadapi oleh industri sawit pada hari ini adalah ketidakstabilan harga dan lebihan paras stok minyak sawit tempatan yang memberikan impak secara tidak langsung kepada pendapatan pekebun kecil. Sehubungan itu, antara usaha Kerajaan untuk membantu pekebun kecil sawit adalah seperti berikut:

- (a) memberikan bantuan melalui Skim Tanam Baharu Sawit untuk pekebun kecil sebanyak RM7,500 sehektar bagi Semenanjung Malaysia dan RM9,000 sehektar di Sabah dan Sarawak;
- (b) memberikan diskaun sehingga 20% melalui Skim Insentif Mekanisasi Ladang Sawit (OPIMIS) kepada pengusaha ladang; dan
- (c) memperuntukkan dana antara RM3,000 hingga RM11,000 untuk pelaksanaan program integrasi tanaman dan integrasi ternakan dengan sawit.

Bagi pekebun kecil getah, kerajaan terus membantu dengan melaksanakan langkah-langkah seperti berikut:

- (a) penambahbaikan pelaksanaan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) dengan kenaikan Paras Harga Pengaktifan (PHP) IPG daripada RM2.20 kepada RM2.50 sekilogram getah sekerap;
- (b) peruntukan sebanyak RM6.4 juta melalui mekanisme penetapan harga di ladang sebagai modal pusingan kepada koperasi yang terlibat dalam aktiviti urus niaga getah; dan
- (c) peruntukan sebanyak RM 132.25 juta pada tahun ini dalam bentuk geran di bawah Program *High Impact Project* (HIP) Tanam Baharu dan Tanam Semula Getah (TBTS) yang meliputi pemberian input pertanian, pembelian peralatan dan latihan kepada pekebun kecil Sabah dan Sarawak.

Bagi komoditi kenaf pula, kerajaan melalui Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) telah menyediakan insentif seperti berikut:

- (a) penyediaan input pertanian dan mekanisasi kepada pekebun kecil sebanyak RM2,385 sehektar bagi pengeluaran fiber dan RM3,000 sehektar untuk pengeluaran benih; dan
- (b) pemberian jaminan pembelian balik hasil kenaf yang telah dihasilkan oleh pekebun kecil dengan harga RM12 sekilogram bagi benih kenaf dan RM500/tan bagi batang kering.

Bagi komoditi lada, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM10 juta pada tahun ini untuk pelbagai bantuan seperti input dan peralatan pertanian, latihan dan kursus kepada pekebun lada di bawah Program Pembangunan Kawasan Penanaman Baharu Lada. Manakala bagi komoditi koko, kerajaan telah menyediakan insentif input pertanian, khidmat nasihat dan kursus pemindahan teknologi untuk menggalakkan pekebun untuk terus menjalankan penanaman koko mengikut Amalan Pertanian Baik (GAP) supaya pekebun kecil dapat memperolehi harga yang lebih baik dan stabil mengikut harga pasaran antarabangsa.

Sekian terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN KHOO POAY TIONG
[KOTA MELAKA]
TARIKH : 03 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 45

Y.B. TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status pelaksanaan dan keberkesanan program Dana Rumah Mampu Milik (Dana) oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dan apakah strategi lain Kementerian untuk mengatasi masalah rakyat mendapatkan pinjaman untuk membeli rumah mampu milik.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak dilancarkan sehingga akhir bulan Februari 2019, sebanyak 104 permohonan berjumlah RM9.8 juta telah diterima. Daripada 40 permohonan yang telah diproses, 93% telah diluluskan dengan nilai sebanyak RM3.3 juta, manakala 64 permohonan lagi masih dalam proses pertimbangan.
2. Modul pendidikan kewangan dalam talian yang ringkas dan mudah di Portal Rumahku telah disediakan oleh Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK). Modul ini memberikan perkhidmatan pendidikan kewangan, kaunseling dan nasihat kewangan serta menawarkan program pengurusan kredit kepada individu yang berdepan masalah membayar pinjaman. Sejak dilancarkan pada awal tahun ini, 64% daripada jumlah individu yang mendaftar di Portal Rumahku telah berjaya menamatkan modul pendidikan kewangan tersebut. Daripada jumlah ini, 21% secara sukarela tidak meneruskan permohonan pembiayaan perumahan apabila menyedari mereka tidak mempunyai kemampuan kewangan yang mencukupi pada masa ini.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, BNM dengan kerjasama AKPK dan institusi kewangan pelaksana giat mengadakan perjumpaan dengan pihak berkaitan seperti Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri untuk memberi penerangan lanjut mengenai Dana Rumah Mampu Milik agar dapat diuar-uarkan dan dimanfaatkan oleh golongan sasaran.
4. Selain Dana ini, pihak Kementerian Kewangan Malaysia bersama-sama BNM dan institusi-institusi kewangan telah mengambil langkah untuk mengurangkan kos sampingan pemilikan rumah bagi membantu pembeli rumah yang berpendapatan bulanan RM5,000 dan ke bawah untuk membeli rumah pertama mereka yang berharga sehingga RM300,000. Ini termasuklah pengecualian duti setem bagi pembelian rumah pertama, pengurangan kadar yang berpatutan untuk jumlah perlindungan insurans atau takaful gadai janji bertempoh dan kemudahan skim jaminan gadai janji bagi membantu golongan berpendapatan rendah memenuhi keperluan wang pendahuluan bagi

pemilikan rumah. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [BACHOK]**

TARIKH : 3.4.2019 (RABU)

SOALAN NO. 46

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan inisiatif Kementerian dalam mencegah penularan dadah baru yang murah dan mudah didapati dalam kalangan remaja hari ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius terhadap isu pelibatan murid dengan najis dadah. Strategi utama KPM mencegah dadah dalam kalangan murid ialah melalui pendekatan pendidikan pencegahan dan intervensi secara implisit dan eksplisit di semua sekolah rendah dan menengah.

Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) dilaksanakan dalam dan luar bilik darjah menerusi kurikulum, kokurikulum serta pembangunan sahsiah. Semua sekolah mempunyai jawatankuasa PPDa yang akan menyelaras pelaksanaan aktiviti PPDa sepanjang tahun. Antara inisiatif Jawatankuasa PPDa yang dilaksanakan di sekolah adalah seperti berikut:

1. Mesej 5 minit;
2. Sambutan Minggu Anti Dadah;
3. Bilik / Lualan PPDa;
4. Pengajaran PPDa dalam subjek Kesihatan; dan
5. Program Skim Lencana Anti Dadah (SLAD).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada menjalankan program-program PPDA sedia ada di sekolah, KPM juga telah mengadakan kerjasama dengan pelbagai agensi seperti Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), FELDA, Polis DiRaja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Belia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Kesihatan Malaysia, dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bagi membanteras dadah dalam kalangan murid sekolah menerusi Program Gerak Sedar Bersepadu (PROGRES).

Menerusi program ini perbincangan telah diadakan untuk meningkatkan aktiviti masing-masing di luar kawasan sekolah dan di persekitaran tempat tinggal murid khususnya di kawasan yang berisiko yang telah dikenal pasti oleh AADK. Ujian Urin untuk murid sekolah menengah adalah antara program yang dilaksanakan melalui kerjasama tersebut.

Sekian, terima kasih

RJM 120

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 47

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pendirian Kerajaan tentang penggunaan dron di Malaysia. Apakah Kerajaan berhasrat untuk menggubal undang-undang khusus bagi memastikan penggunaan dron yang selamat di Malaysia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan mengalakkan penggunaan dron bagi maksud menjalankan aktiviti-aktiviti penerbangan khas (*air specialty services*) seperti pertanian, pembinaan, *photography, surveying, observation and patrol, search and rescue, aerial advertisement* dan aktiviti-aktiviti lain yang bersangkutan.
2. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan melalui agensi pelaksana Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) telah membuat peraturan bagi mengawalselia penggunaan dron bagi memastikan tahap keselamatan yang telah ditetapkan,
3. Dron yang telah diklasifikasi sebagai *Unmanned Aerial Vehicle (UAV)/ Unmanned Aircraft System (UAS)* (dengan izin) telah dikuatkuasa melalui *Aeronautical Information Circulars (AIC)* (dengan izin) Bilangan 4 Tahun 2008 (AIC 04/2008) bersekali dengan Akta Penerbangan Awam 1969. Selain itu, peraturan operasi UAS juga diperjelaskan dalam Bahagian XVI (enam belas), Peraturan-peraturan Penerbangan Awam 2016 [P.U. (A) 97/2016]. AIC dan peraturan tersebut telah digubal selaras dengan perundangan antarabangsa yang ditetapkan oleh *International Civil Aviation Organization (ICAO)*.
4. Berdasarkan AIC 04/2018 dan P.U. (A) 97/2016, mana-mana UAV/UAS yang mempunyai berat 20 kilogram ke atas wajib berdaftar dengan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (*Civil Aviation Authority Malaysia-CAAM*) dan perlu mendapat Sijil *Airworthiness* untuk tujuan operasi penerbangan.
5. Manakala, UAV/UAS kurang daripada 20 kilogram tidak disyaratkan untuk didaftarkan bawah CAAM. Namun, UAV/UAS tersebut adalah dilarang untuk membuat penerbangan di kawasan ruang udara terkawal, kawasan zon trafik *aerodrome* dan ketinggian melebihi 400

kaki dari permukaan bumi kecuali mendapat kelulusan daripada Unit Kawalan Udara yang berkaitan atau CAAM.

6. Individu yang bertanggungjawab dan mengendalikan sesuatu UAV/UAS hendaklah mengekalkan perhubungan visual secara langsung dan tanpa bantuan dengan UAV/UAS berkenaan supaya dapat mengawasi laluan penerbangannya berhubung dengan kapal udara lain, orang, kenderaan, vesel dan struktur bagi mengelakkan pelanggaran.
7. Selain itu, penggunaan UAV/UAS untuk tujuan pengawasan dan pengumpulan maklumat, iaitu *small unmanned surveillance aircraft* (dengan izin) juga perlu mendapat kelulusan daripada CAAM sekiranya UAV/UAS berkenaan digunakan di tempat-tempat yang telah ditetapkan (*designated area*) seperti kawasan perumahan, komersial, perindustrian dan rekreasi serta dalam lingkungan 150 meter daripada tempat-tempat tersebut. Selain itu, ianya juga melibatkan mana-mana perhimpunan di kawasan terbuka yang mempunyai jumlah seribu (1,000) orang ke atas dan lingkungan 150 meter dari perhimpunan tersebut.
8. Kelulusan juga perlu diperolehi untuk UAV/UAS bagi tujuan pengawasan jika melibatkan kawasan 50 meter daripada sesebuah bangunan, vesel, struktur dan kenderaan yang bukannya bawah penyeliaan individu yang mengendalikan UAV/UAS tersebut, 50 meter daripada mana-mana individu dan hendaklah 30 meter daripada mana-mana individu semasa pelepasan serta pendaratan UAV/UAS. Mana-mana UAV/UAS juga dilarang untuk beroperasi melangkaui sempadan sesebuah negara kecuali telah mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa negara berkenaan.
9. Selain itu, pihak yang ingin menggunakan UAV/UAS untuk tujuan komersial juga tertakluk kepada seksyen 35 dan 36, Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 (Akta 771), di mana lesen dan permit perkhidmatan udara perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum UAV/UAS boleh digunakan untuk tujuan komersial.

10. Individu atau badan korporat yang menyalahi atau tidak mematuhi peraturan-pertura tersebut boleh dikenakan hukuman penjara dan penalti denda.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
[Pengerang]**

TARIKH : 3 APRIL 2019

SOALAN : 48

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status pemansuhan Akta Kesalahan Keselamatan (LangkahLangkah Khas) 2012 (SOSMA), Akta Perhimpunan Aman 2012, Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA) dan Akta Hasutan 1948 dan bilakah akan dilakukan memandangkan Kerajaan telah bersetuju dan memberikan komitmen malah juga sebahagian daripada Manifesto Pakatan Harapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kajian Undang-Undang dan Jawatankuasa Teknikal bagi mengkaji kesemua enam (6) akta yang berada di bawah bidang kuasa KDN iaitu:

1. Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah - langkah Khas) 2012 (SOSMA);
2. Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA);
3. Akta Pencegahan Keganasan 2015 (POTA);
4. Akta Hasutan 1984;
5. Akta Perhimpunan Aman 2012 (APA); dan
6. Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (AMCP).

Selain jabatan kerajaan seperti Jabatan Peguam Negara dan Polis Diraja Malaysia (PDRM), kedua-dua jawatankuasa ini turut dianggotai oleh wakil Badan Peguam Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM), pengamal undang-undang dan ahli akademik.

Melalui beberapa siri mesyuarat dan bengkel yang telah diadakan, ahli kedua-dua jawatankuasa berkenaan telah membangkitkan pelbagai isu dan pandangan berkenaan akta-akta tersebut seperti tempoh tahanan, kuasa polis dan ruang untuk semakan kehakiman (*judicial review*).

Buat masa ini KDN sedang meneliti kesemua isu dan pandangan yang dikemukakan oleh kedua-dua jawatankuasa tersebut. Seterusnya KDN akan mengemukakan syor berkenaan undang-undang berkenaan kepada Jemaah Menteri untuk diputuskan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 49

Minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk menyediakan perkhidmatan talian tetap telefon dan internet di kawasan tumpuan pelancongan seperti di kawasan Simpang Mengayau (*Tips of Borneo*) dan Pantai Kelambu di mana terdapat banyak chalet dan hotel pelancongan yang amat memerlukan perkhidmatan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, pihak Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) telah menyediakan kemudahan perkhidmatan jalur lebar dengan membina dua menara komunikasi baharu di kawasan penempatan yang berhampiran dengan Pantai Kelambu dan kawasan Simpang Mengayau yang menyediakan perkhidmatan jalur lebar mudah alih sehingga 3G bagi penduduk setempat.

2. Namun begitu, liputan dari kedua-dua menara tersebut tidak mencukupi untuk menyediakan perkhidmatan yang baik sehingga ke kawasan Pantai Kelambu dan kawasan Simpang Mengayau yang menjadi tumpuan pelancong.

3. Pihak Kerajaan menyedari keperluan untuk menyediakan capaian perkhidmatan yang baik ke kawasan-kawasan pelancongan. Justeru itu, kawasan-kawasan ini akan diberi keutamaan untuk pelaksanaan di bawah Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (atau National Fiberisation and Connectivity Plan, ("NFCP")) yang telah dirangka oleh pihak Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ABDUL AZEEZ BIN
ABDUL RAHIM [BALING]**

TARIKH : 3 APRIL 2019 | RABU

SOALAN :

Dato' Seri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status dan jaminan kerajaan tentang pemberian subsidi haji kepada bakal jemaah yang membuat rayuan dan pengiring mahram haji.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, semua jemaah haji muassasah yang menunaikan haji kali pertama layak untuk menerima bantuan subsidi daripada Tabung Haji, termasuk pengiring dan mereka yang merayu bagi tahun ini.

Keputusan ini telah dimuktamadkan dan diumumkan pada 28 Februari 2019 selepas mengambilkira pelbagai aspek termasuk keupayaan dan kedudukan unjuran kewangan Tabung Haji bagi tahun 2019.

Sehubungan itu, Bayaran Haji bagi jemaah haji Muassasah yang layak menerima subsidi seperti di atas untuk Musim Haji 1440 Hijrah adalah RM9,980.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 3 APRIL 2019

SOALAN :

Tuan Sivakumar Varatharaju [Batu Gajah] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan potensi industri getah dalam jangka pendek dan jangka panjang. Nyatakan peluang dan persaingan yang dihadapi di pasaran antarabangsa serta tindakan strategik Kementerian dalam menghadapi kemungkinan-kemungkinan luar dugaan di pasaran komoditi ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Industri getah di Malaysia terus memberikan pelbagai potensi positif kepada negara. Di antaranya adalah pembinaan jalan raya berasaskan *Cuplump Modified Bitumen*. Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah melaksanakan projek pembangunan RMK11 dengan pengkomersilan Cuplump Modified Bitumen untuk pembinaan jalan raya. Pelaksanaan projek ini sedang dijalankan dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) semenjak tahun 2015 yang akan meningkatkan penggunaan getah beku untuk penghasilan bitumen yang diubahsuai pada skala komersil. Sebagai salah satu komitmen kerajaan untuk meningkatkan penggunaan getah beku bagi pembinaan jalanraya, belanjawan 2019 juga telah memperuntukkan RM100 juta bagi tujuan tersebut.

Selain itu, pelbagai produk getah buatan Malaysia telah dieksport ke seantero dunia. Kementerian melalui Majlis Promosi Eksport Getah Malaysia (MREPC) giat menjalankan pelbagai aktiviti promosi pemasaran produk tersebut. Produk getah buatan Malaysia bagi kategori barang guna habis untuk perubatan (*medical consumables*) seperti sarung tangan getah mempunyai potensi pasaran yang baik di negara-negara yang mempunyai populasi penduduk yang tinggi seperti Amerika Syarikat dan Jerman. Di samping itu, tumpuan promosi pemasaran turut dipergiat di negara-negara seperti China dan India. Pada masa yang sama, produk getah buatan Malaysia bernilai tinggi seperti komponen automotif serta produk getah untuk industri pembinaan dan kejuruteraan juga mendapat permintaan yang baik secara berterusan dari Australia, Indonesia dan Emiriah Arab Bersatu (UAE).

Walaupun produk getah Malaysia diiktiraf sebagai produk berkualiti tinggi di pasaran antarabangsa, masih terdapat persaingan daripada negara-negara pengeluar produk getah lain seperti Thailand, China, Amerika Syarikat, Jepun dan India. Antara faktor utama persaingan termasuk kelebihan dari segi bekalan bahan mentah, persaingan harga akibat daripada kelebihan ekonomi bidangan terutamanya dalam pengeluaran komponen getah untuk automotif, serta pembangunan teknologi dan automasi yang tinggi bagi produk kejuruteraan.

Dalam menghadapi kemungkinan-kemungkinan di luar dugaan, pihak Kementerian melalui agensinya seperti LGM dan MREPC sentiasa memantau perkembangan pasaran di dalam dan luar negara. Ini dapat dilakukan melalui pejabat-pejabat MREPC di beberapa pasaran utama luar negara seperti di Amerika Syarikat, Eropah, China dan India. Dengan adanya wakil di negara-negara tersebut, pemantauan yang lebih rapi dapat dilakukan serta langkah-langkah proaktif dapat diambil untuk menangani kemungkinan di luar dugaan yang mungkin berlaku di pasaran utama getah Malaysia.

Sekian terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [JERAI]

TARIKH : 3.4.2019 (RABU)

SOALAN NO. 52

Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik terkini kes pelajar ponteng di sekolah menengah dan apakah langkah yang diambil bagi menangani masalah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa secara relatif, statistik salah laku ponteng murid sekolah menengah pada tahun 2018 adalah rendah iaitu pada kadar 2.28 peratus berbanding keseluruhan enrolmen murid di Malaysia.

KPM sentiasa memandang serius dan mengambil langkah proaktif dalam menangani salah laku ponteng sekolah. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan ialah:

1. mengeluarkan surat pekeliling ikhtisas dan surat siaran bagi tujuan penegasan kepada pihak sekolah untuk melaksanakan pencegahan dan intervensi yang bersesuaian;
2. bekerjasama dengan pihak Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG) dan melalui inisiatif Pelibatan Ibu Bapa dan Komuniti (PIBK) untuk membantu mengesan murid yang didapati ponteng sekolah dan berada di luar kawasan sekolah serta memujuk murid hadir ke sekolah;

3. menjalinkan kerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui Jawatankuasa Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak oleh JKM yang membantu kebajikan murid-murid yang ada isu berkaitan kemiskinan;
4. kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menjalankan Program Jom ke Sekolah dengan objektif untuk membantu sekolah membentuk sahsiah diri murid termasuk menangani isu ponteng sekolah;
5. pelancaran Program Ziarah Cakna, yang bertujuan untuk memperluas konsep sekolah penyayang bagi memperkukuhkan hubungan antara sekolah dengan ibu bapa/penjaga melalui amalan ziarah guru ke rumah murid untuk bertemu dengan ibu bapa/penjaga.
6. penguatkuasaan peraturan dan tindakan oleh pihak sekolah ke atas murid yang didapati ponteng sekolah.
7. KPM sedang merangka Modul Intervensi Murid Berisiko Cicir 2.0 yang melibatkan ibu bapa dan komuniti setempat dalam menangani murid berisiko cicir termasuklah murid ponteng sekolah.

Sekian, terima kasih

RJM 121

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN NOORITA BT. SUAL [TENOM]

TARIKH : 3 APRIL 2019

SOALAN : 53

Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah pendirian Kerajaan dalam memastikan status dan hak anak negeri Sabah terus kekal dilindungi dan dipelihara di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kaedah pemerolehan kewarganegaraan Malaysia adalah ditetapkan di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan di mana ianya tertakluk kepada taraf kewarganegaraan dan pendaftaran perkahwinan ibu bapa yang sah mengikut undang-undang yang sedang berkuatkuasa. Setiap permohonan kewarganegaraan yang diterima oleh Kementerian akan diproses dengan teliti dalam memastikan setiap permohonan berkenaan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Justeru itu, kewarganegaraan Malaysia hanya akan dianugerahkan kepada individu yang benar-benar layak bagi memastikan individu berkenaan memberikan sumbangan terbaik sebagai warganegara Malaysia, tidak menggugat keselamatan, ketenteraman awam, kelangsungan dan kesejahteraan rakyat sedia ada amnya.

Disamping itu, Kerajaan telah mengambil inisiatif menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) yang sentiasa mengambil langkah proaktif dalam mengatasi isu-isu berbangkit dalam melaksanakan pelan tindakan yang dirumuskan oleh Suruhanjaya melalui mesyuarat yang dijadualkan secara berkala sepanjang tahun. Platform JKPWAS ini akan diteruskan dan diperkukuhkan untuk meningkatkan lagi keyakinan dan kepercayaan rakyat terhadap usaha proaktif Kerajaan dalam menguruskan isu-isu warga asing dan keselamatan negeri Sabah secara keseluruhannya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN AHMAD AMZAD BIN
MOHAMED@HASHIM
[KUALA TERENGGANU]
TARIKH : 03 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 54

Y.B. TUAN AHMAD AMZAD BIN MOHAMED@HASHIM [KUALA TERENGGANU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status kapal Equanimity dan bagaimana status penyelenggaraan kapal mewah tersebut serta kosnya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia, kapal layar Equanimity kini berada di Langkawi di bawah jagaan dan kawalan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Proses penjualan kapal layar tersebut kini memasuki fasa kedua kerana harga bidaan yang diterima pada fasa pertama tidak dapat dipersetujui. Proses penjualan bagi fasa kedua ini dibuat secara *private treaty/direct sale* dan dijangka berakhir pada 31 Mac 2019.

Tuan Yang Dipertua,

Sebuah syarikat pengurus kapal iaitu Wilson Yacht Management Ltd (WYM) telah dilantik pada bulan Ogos 2018 yang lalu bagi menyelenggara kapal Equanimity. Pelantikan ini dibuat berdasarkan kepada pengalaman serta kepakaran syarikat berkenaan dalam menyelenggara kapal-kapal mewah.

Mulai Ogos hingga Disember 2018, jumlah keseluruhan kos yang telah dibelanjakan untuk kapal ini adalah sebanyak kira-kira RM11 juta yang antara lain meliputi bayaran kos penyelenggaraan, pembaikan, bahan api, guaman, insurans serta kos berkaitan proses penjualan kapal. Bagi bulan Januari hingga Mac 2019 pula, jumlah kos yang telah dan akan dibelanjakan untuk kapal ini dianggarkan sebanyak kira-kira RM3.22 juta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT PM 22(5)
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN WONG SHU QI [KLUANG]
TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 55

Puan Wong Shu Qi [Kluang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah kes penderaan fizikal serta penderaan seksual terhadap kanak-kanak yang telah direkodkan bermula Januari hingga Mac 2019 seperti berikut:

- a) Jumlah kes setiap negeri dan statistik mengikut umur mangsa; dan
- b) Jumlah kes mengikut jantina

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman statistik terkini kes penderaan fizikal dan penderaan seksual terhadap kanak-kanak bagi Januari hingga Mac 2019 sedang dikemas kini oleh pihak Kementerian. Namun begitu, statistik tahun 2018 bagi penderaan fizikal adalah sebanyak 1,703 kes. Manakala penderaan seksual terhadap kanak-kanak adalah sebanyak 1,705 kes. Pecahan kes mengikut negeri adalah seperti berikut :

Bil	Negeri	Jenis Penderaan	
		Fizikal	Seksual
1	Selangor	705	501
2	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	334	168
3	Negeri Sembilan	99	87
4	Perak	98	99
5	Pulau Pinang	93	95
6	Johor	86	45
7	Pahang	63	153
8	Kedah	62	205
9	Sabah	46	182
10	Melaka	43	77
11	Wilayah Persekutuan Putrajaya	31	6
12	Terengganu	18	22
13	Sarawak	13	15
14	Kelantan	10	24
15	Perlis	2	26
JUMLAH		1,703	1,705

Manakala bagi penderaan fizikal dan seksual terhadap kanak-kanak bagi tahun 2018 mengikut umur adalah seperti berikut :

Bil	Umur	Jenis Penderaan	
		Fizikal	Seksual
1	3 tahun ke bawah	460	44
2	4 hingga 6 tahun	300	206
3	7 hingga 12 tahun	588	399
4	13 hingga 18 tahun	355	1,056
JUMLAH		1,703	1,705

SOALAN NO. 55

- b) Bagi tahun 2018, jumlah kes penderaan bagi kanak-kanak lelaki adalah sebanyak 1,047 kes iaitu meliputi 911 kes bagi penderaan fizikal dan 136 kes bagi penderaan seksual. Manakala jumlah penderaan bagi kanak-kanak perempuan adalah sebanyak 2,361 kes iaitu meliputi 792 kes bagi penderaan fizikal dan 1,569 kes bagi penderaan seksual.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG
(HULU RAJANG)**

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk membina pos kawalan tentera di Tapak Megah yang terletak di Bahagian Kapit yang bersempadan dengan Kalimantan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pertahanan tiada cadangan untuk membina pos kawalan tentera di Tapak Megah kerana perancangan operasi adalah di bawah kawalan Majlis Keselamatan Negara (MKN). Atur gerak operasi di kawasan ini dilaksanakan secara berkala dan tertakluk kepada keperluan MKN.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03 APRIL 2019 (RABU)

**DARIPADA : Dato' Johari bin Abdul
[Sungai Petani]**

SOALAN : 57

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan membentang dan membenarkan laporan dan cadangan-cadangan yang disediakan oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dibahas dalam Parlimen.

JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA MAIDIN
TIMBALAN MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa komited dan berazam untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang mempunyai rekod hak asasi yang dihormati dunia.
2. Bagi merealisasikan perkara tersebut, SUHAKAM akan dijadikan sebuah badan yang berwibawa dan dihormati melalui Laporan yang dikeluarkan oleh mereka.
3. Sehubungan itu, cadangan Ahli Yang Berhormat supaya laporan tersebut dijadikan agenda perbahasan di Parlimen akan diteliti dan dipertimbangkan oleh Kerajaan sewajarnya.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN
BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]**

TARIKH : 3 APRIL 2019 [RABU]

SOALAN NO. 58

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) status pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Nerus yang sepatutnya mula dibina pada Mei 2018 dan siap pada Jun 2020; dan
- (b) bantuan yang diberikan kepada Pasukan Bomba Sukarela (PBS) di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Soalan (a)

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Nerus telah diluluskan dalam Rolling Plan Keempat (RP4) RMKe-11 Tahun 2019 dengan jumlah kos projek sebanyak RM5 juta. Pada masa ini status pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Kuala Nerus adalah dalam peringkat pra-pelaksanaan oleh Jabatan Kerja Raya

Malaysia. Iklan tender dijangka akan dikeluarkan pada bulan September 2019. Tempoh untuk menyiapkan pembinaan balai bomba adalah selama 18 bulan.

Soalan (b)

Kerajaan telah menyediakan pelbagai insentif bagi menggalakkan penyertaan orang awam sebagai anggota bomba sukarela, antaranya:

- (a) Skim Insurans Takaful Berkelompok sebagai perlindungan dan membantu meringankan beban anggota bomba sukarela sekiranya ditimpa kemalangan semasa bertugas;
- (b) Geran Bantuan Tahunan sebanyak RM3,000.00 bagi membantu pengurusan pasukan;
- (c) *Personal Protective Equipment* (PPE) seperti baju api, *helmet*, *gloves* dan *boots* untuk digunakan semasa operasi;
- (d) jentera Bomba Sukarela bertujuan membantu operasi pemadaman dan penyelamatan. Sehingga kini, 282 pasukan telah dilengkapi dengan jentera manakala baki pasukan akan dibekalkan secara berperingkat. Turut dibekalkan adalah peralatan seperti hos, pam angkut dan nozel; dan
- (e) Latihan secara berjadual kepada Pasukan Bomba Sukarela bagi memastikan anggota bomba sukarela mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk melaksanakan tugas semasa operasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN
[KOTA KINABALU]**

TARIKH : 3 APRIL 2018 (RABU)

SOALAN NO. 59

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan hasil perbincangan antara pihak Kementerian dengan pihak Kerajaan Sabah berkenaan Rancangan RO-RO Perkhidmatan Feri Kargo Penumpang antara Kudat, Sabah dan Buliluyan, Palawan oleh Archipelago Philippines Ferries Corporation.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pengangkutan menyokong penuh cadangan pelaksanaan Perkhidmatan Feri “*Roll on Roll Off*” (RORO) di antara Kudat, Sabah dan Buliluyan, Palawan, Filipina di mana cadangan ini merupakan salah satu inisiatif di bawah kluster pengangkutan di bawah platform antarabangsa *Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area* (BIMP-EAGA).
2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, beberapa siri mesyuarat telah diadakan oleh Kementerian Pengangkutan bersama pihak Kerajaan Negeri Sabah dan operator feri iaitu Archipelago Philippines Ferries Corporation berkenaan cadangan pelaksanaan Perkhidmatan Feri RORO antara Kudat, Sabah dan Buliluyan, Palawan, Filipina.
3. Berdasarkan hasil mesyuarat tersebut, Kementerian Pengangkutan telah meminta supaya operator feri berkenaan terlebih dahulu memenuhi segala keperluan teknikal dan *safety and security* yang ditetapkan oleh *Maritime Industry Authority Phillipines* (MARINA) dan perlu memiliki lesen bagi pelayaran antarabangsa dengan mengambil kira feri RORO yang digunakan adalah berpendaftaran Filipina. Kementerian dimaklumkan bahawa pihak operator feri sedang berurusan dengan pihak MARINA dalam memenuhi syarat-syarat berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 03 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN :

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

(a) apakah langkah-langkah atau perancangan Kementerian dalam menaik taraf institusi Mahkamah Syariah di Malaysia; dan

(b) adakah kadar bayaran gaji kepada Hakim Syarie dan pegawai Mahkamah berada ditangga gaji yang sepatutnya.

**JAWAPAN: (YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memberi perhatian kepada usaha-usaha untuk memperkasakan dan menaik taraf Mahkamah Syariah di Malaysia. Antara langkah-langkah yang sedang dilakukan adalah seperti berikut:-

1. Cadangan pewujudan hierarki baru Mahkamah Syariah.

Kerajaan sangat komited dan sedang berusaha ke arah menaik taraf Mahkamah Syariah daripada tiga (3) peringkat kepada lima (5) peringkat. Dalam hal ini, bagi memastikan penyeragaman hierarki Mahkamah Syariah di setiap negeri, kerajaan akan meneruskan dan mempergiatkan lagi rundingan dengan negeri-negeri memandangkan hal ehwal berkaitan dengan Mahkamah Syariah adalah di bawah bidang kuasa negeri. Setakat ini negeri Perak telah pun meluluskan usul di Dewan Undangan Negeri bagi menaik taraf hierarki Mahkamah Syariah daripada tiga (3) lapisan kepada empat (4) lapisan Mahkamah Syariah baharu yang dinamakan sebagai Mahkamah Utama Syariah.

2. Pembangunan prasarana Mahkamah Syariah.

2.1. Pembangunan Kompleks Mahkamah Syariah baharu di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri / Mahkamah Syariah Negeri. Projek pembangunan Mahkamah Syariah baharu yang sedang dalam proses pembinaan ialah di negeri Sabah dan negeri Pahang; dan

2.2. Menaiktaraf sistem E-Syariah kepada sistem E-Syariah versi tiga (3) untuk penambahbaikan pengurusan sistem pengurusan kes di Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia dan meningkatkan lagi kecekapan penyampaian melalui transformasi sistem E-Syariah.

3. Meningkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan.

Pendekatan ini telah dilakukan melalui beberapa program inovasi atau pengenalan idea-idea baru di Mahkamah Syariah negeri-negeri antaranya seperti berikut:

3.1. Projek **Key Focus Activity (KFA)** bagi proses *Sulh* yang dilaksanakan oleh Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan berkenaan dengan tempoh masa bagi pengeluaran perintah

bersih bagi kes-kes yang diselesaikan melalui proses Sulh telah dapat dipendekkan dari tempoh 14 hari ke tempoh satu (1) jam bermula dari pengendorsan perjanjian penyelesaian di hadapan Hakim sehingga perintah bersih dikeluarkan;

- 3.2. Projek Kes Cerai **Fast Track** yang dilaksanakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor. Projek ini dilaksanakan bagi mempercepatkan penyelesaian kes perceraian di bawah seksyen 47 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (EUKIS) daripada sembilan puluh (90) hari ke enam (6) jam waktu bekerja;
- 3.3. Sistem **E-SIAP (E-Shariah Instant Access Procedure)** yang dilaksanakan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang bagi mempercepatkan penyelesaian kes-kes persetujuan bersama dalam tempoh satu (1) hari, iaitu bermula dari proses penyediaan pliding sehingga pengeluaran perintah Mahkamah; dan
- 3.4. Cadangan pewujudan Mahkamah Tinggi Syariah Bahagian Hadhanah & Nafkah dan Mahkamah Rendah Syariah Bahagian Nafkah di Wilayah Persekutuan. Cadangan ini dikemukakan oleh Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan bagi memberi tumpuan khusus kepada kes-kes hadhanah dan nafkah di Wilayah Persekutuan supaya kes-kes tersebut dapat diselesaikan dengan segera dan efektif.

4. Meningkatkan Kompetensi Pegawai Syariah :

- 4.1. Meningkatkan program latihan, kompetensi dan peluang melanjutkan pengajian bagi melahirkan Pegawai Syariah yang berkompentensi tinggi, mempunyai kemahiran pelbagai (*multi skill*) dan mampu meningkatkan lagi sistem penyampaian kepada masyarakat;
- 4.2. Mewujudkan kerjasama strategik dengan institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) melalui Memorandum Persefahaman

dengan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM). Perjanjian persefahaman tersebut merupakan program yang melibatkan skop latihan, penyelidikan dalam bidang perundangan dan kerjasama melibatkan kemudahan bagi Pegawai Syariah melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran; dan

- 4.3. Mengenal pasti peluang untuk Pegawai Syariah menghadiri kursus intensif Perundangan dan Kehakiman Syariah sama ada di dalam atau luar negara. Program intensif terbaru yang telah dijalankan pada tahun ini adalah melibatkan penghantaran seramai 33 orang Pegawai Syariah selama satu (1) bulan bagi mengikuti kursus Intensif Hakim-Hakim Syari'e di *Ma'ahad Al-Aliy Lil Qadha'*, University Imam Sa'ud Riyadh, Arab Saudi.

5. Pemerkasaan Undang-Undang :

- 5.1. Kajian penambahbaikan undang-undang Syariah yang sedang digunapakai bagi memastikan peruntukan undang-undang sedia ada masih relevan dengan suasana semasa tanpa mengenenpikan kehendak hukum Syarak dan prinsip-prinsip keadilan;
- 5.2. Kajian cadangan pindaan dan penyeragaman undang-undang yang berkaitan dengan kesalahan jenayah Syariah. Ini kerana, undang-undang ini masih belum diselaraskan di antara negeri-negeri dan mempunyai peruntukan yang berbeza mengenai jenis kesalahan, jenis hukuman dan kadar hukuman. Ketidakteragaman ini boleh membawa kepada ketidakadilan terhadap tertuduh dan pihak-pihak yang berkecuaan;

- 5.3. Kajian cadangan pindaan dan penyeragaman berkenaan hukuman di bawah undang-undang jenayah Syariah supaya bentuk hukuman lebih bersifat memulih (rehabilitative) di samping menghukum (retributive), contohnya hukuman yang berbentuk perintah khidmat masyarakat. Pindaan-pindaan yang akan dibuat akan mengambilkira rahmat kepada semua pihak tanpa menjejaskan prinsip-prinsip keadilan; dan
- 5.4 Mewujudkan undang-undang yang berkaitan dengan profesion guaman Syarie untuk diguna pakai di Wilayah-Wilayah Persekutuan dan pada waktu yang sama dijadikan sebagai undang-undang model yang boleh diguna pakai oleh negeri-negeri bagi tujuan penyelarasan dan penyeragaman.

Berhubung dengan kadar bayaran gaji kepada Hakim Syarie dan pegawai Mahkamah pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa kadar bayaran gaji kepada Hakim Syarie dan pegawai di Mahkamah Syariah adalah berdasarkan kepada penetapan Jadual Gaji Minimum-Maksimum (JGMM) sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2016. Ini kerana, Hakim Syarie dan pegawai di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia merupakan pegawai yang bertaraf penjawat awam lantikan Perkhidmatan Awam Persekutuan (PAP) atau Perkhidmatan Awam Negeri (PAN) dari skim perkhidmatan Pegawai Syariah (LS).

Kadar bayaran gaji kepada Hakim Syarie dan pegawai di Mahkamah Syariah ini dibuat berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang sama sebagaimana pegawai perkhidmatan awam yang lain.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG
KAWASAN : KAMPAR
TARIKH : 03 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN :

YB TUAN SU KEONG SIONG minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan jumlah peruntukan telah disalurkan di bawah Kumpulan Amanah Penyelenggaraan Jalanraya Negeri Perak (MARRIS) untuk daerah Kampar bagi tahun 2017 dan 2018. Berapakah jumlah peruntukan wang telah diluluskan untuk tahun 2019 untuk daerah Kampar.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kumpulan Wang Amanah bagi penyelenggaraan jalanraya di negeri Perak (MARRIS) merupakan pemberian penyelenggaraan jalan negeri yang telah termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan. Kumpulan Wang Amanah penyelenggaraan jalan negeri ini diuruskan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri dan kerja-kerja penyelenggaraan jalan negeri ini dilaksanakan oleh agensi pelaksana seperti pihak Jabatan Kerja Raya, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Pejabat Daerah iaitu agensi-agensi Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemberian penyelenggaraan jalan negeri ini akan diperuntukan pada setiap negeri berdasarkan jumlah panjang jalan yang berdaftar di dalam Sistem *MARRIS Online* dimana sistem tersebut diuruskan sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan berdasarkan garis panduan serta tatacara yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Peruntukan penyelenggaraan jalan negeri ini akan disalurkan secara terus oleh Kementerian Kewangan kepada Kerajaan Negeri tanpa melalui Kementerian Kerja Raya. Oleh itu, Kementerian Kerja Raya tiada maklumat berkenaan maklumat peruntukan disalurkan untuk daerah Kampar dan ianya merupakan bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF
KAWASAN : PETRA JAYA
TARIKH : 03 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN :

YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan Kementerian bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan jalan memandangkan peruntukan yang diberikan saban tahun tidak mencukupi.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya menerima kesan pengurangan peruntukan terutamanya peruntukan penyenggaraan jalan Persekutuan. Bagi program khusus penyenggaraan jalan Persekutuan daripada **RM400 juta** pada tahun 2018 kepada **RM100 juta** pada tahun 2019 di mana terdapat pengurangan **RM300 juta**.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 13 November 2018 telah memberikan jaminan akan menyalurkan peruntukan tambahan bagi program khusus jalan Persekutuan berjumlah **RM610 juta** untuk menampung kekurangan peruntukan yang diterima Kementerian ini untuk tahun 2019. Kementerian Kewangan melalui surat bertarikh 8 Mac 2019 telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM200 juta untuk seluruh negara. Keutamaan akan diberikan kepada pembaikan jalan yang kritikal. Tambahan peruntukan akan disalurkan lagi oleh Kementerian Kewangan secara berperingkat-peringkat tertakluk kepada kemampuan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 63

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kes salah laku staf DBKL seperti salah guna kuasa, cuai, tidak cekap, ponteng kerja, menyalahgunakan aset DBKL, terlibat dengan amalan rasuah dan terjebak dengan penyakit STD sepanjang 3 tahun lalu.

SOALAN NO. 63

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Cheras, berdasarkan rekod, jumlah kes salah laku staf DBKL yang dibawa ke Lembaga Tatatertib sepanjang 3 tahun lalu adalah sebanyak 130 kes (2016), 184 kes (2017) dan 116 kes (2018). Secara khususnya, bagi kes salah guna kuasa adalah sebanyak 5 kes (2017). Tiada kes salah guna kuasa pada 2016 dan 2018. Sementara itu, bagi kes salah laku staf DBKL yang melibatkan kecuiaan dan tidak cekap semasa melaksanakan tugas adalah sebanyak 2 kes (2016) dan 1 kes (2017). Tiada kes kecuiaan dan tidak cekap semasa melaksanakan tugas pada 2018.

Untuk makluman Yang Berhormat Cheras juga, bagi kes ketidakhadiran ataupun ponteng kerja adalah sebanyak 84 kes (2016), 82 kes (2017) dan 72 kes (2018). Selain itu, bagi kes penyalahgunaan aset (kenderaan) DBKL adalah sebanyak 3 kes (2017) dan 6 kes (2018). Tiada kes penyalahgunaan aset (kenderaan) DBKL pada 2016. Di samping itu, bagi kes penyalahgunaan dadah adalah sebanyak 2 kes (2016) dan 6 kes (2017). Tiada kes penyalahgunaan dadah pada 2018.

Manakala, bagi kes-kes yang melibatkan amalan rasuah oleh staf DBKL, ianya akan terus dilaporkan kepada pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk diambil tindakan susulan. Pihak DBKL hanya bertanggung jawab untuk menguruskan kes-kes tatatertib yang tidak bersifat jenayah (*non-criminal*).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
[AYER HITAM]**

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 64

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- (a) status rundingan dengan Singapura mengenai Sistem Pendaratan Instrumen (ILS) di Lapangan Terbang Seletar sejurus kenyataan Menteri yang berpendapat bahawa ia akan memberi impak besar kepada pembangunan di Pasir Gudang disanggah oleh Menteri Luar Singapura; dan
- (b) adakah Malaysia akan memulakan proses rundingan semula dengan Singapura berhubung pengurusan ruang udara di selatan Johor setelah ia diwakilkan kepada negara itu, pada tahun 1973.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pada 1 Disember 2018, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Singapura (CAAS) telah menyiarkan tatacara Instrument Landing System (ILS) yang baharu untuk Lapangan Terbang Seletar, Singapura dalam *Singapore Aeronautical Information Publication* (SAIP) yang akan berkuatkuasa mulai 3 Januari 2019, tanpa persetujuan Malaysia.
2. Susulan tindakan tersebut, pada 5 Disember 2018, Kementerian Luar Negeri (KLN) telah menyerahkan Nota Bantahan kepada Singapura melalui Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia. Nota Bantahan ini antara lain mendesak supaya Singapura menarik balik penyiaran tatacara ILS yang baharu untuk Lapangan Terbang Seletar, Singapura dalam SAIP.
3. Pada 12 Disember 2018, Kementerian Pengangkutan telah mengeluarkan kenyataan media yang antara lain menegaskan bahawa Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) tidak pernah bersetuju atau memberi sebarang kelulusan kepada CAAS terhadap penyiaran tatacara tersebut. Di samping itu, Malaysia turut mencadangkan supaya Singapura mewujudkan alternatif ILS untuk Landasan 03 di bahagian selatan Lapangan Terbang Seletar, Singapura tanpa perlu melalui ruang udara Pasir Gudang, Johor.
4. Pada 25 Disember 2018, Kementerian Pengangkutan melalui Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) telah menyiarkan *Notice to Airmen* (NOTAM) bagi mewujudkan satu Kawasan Larangan Kekal (*permanent restricted area*) atau lebih dikenali sebagai R.A. di ruang udara Pasir Gudang, Johor (di antara 2,000 hingga 5,000 kaki) yang berkuatkuasa mulai 2 Januari 2019.
5. Penyiaran NOTAM tersebut adalah selaras dengan *Article 9(a) Convention of International Civil Aviation 1944 (Chicago Convention)* yang membenarkan sesebuah negara untuk

mengisytiharkan '*restricted area*' atau '*prohibited area*' di ruang udara kedaulatannya atas sebab-sebab keperluan ketenteraan atau keselamatan awam. Ia juga adalah selaras dengan kuasa yang diperuntukkan kepada Ketua Pegawai Eksekutif, CAAM di bawah seksyen 24(o) Akta Penerbangan Awam 1969 untuk menyiarkan NOTAM berkenaan.

6. Pengisytiharan R.A adalah bagi membolehkan aktiviti ketenteraan dilaksanakan di kawasan tersebut. Pada masa yang sama, pengisytiharan tersebut juga boleh menghalang kemungkinan sebarang pencerobohan ruang udara kedaulatan negara.
7. Pewujudan R.A. ini turut tidak akan menjejaskan operasi penerbangan pesawat yang menggunakan tatacara visual approach sedia ada untuk pendaratan melalui Landasan 21 di bahagian utara di Lapangan Terbang Seletar, Singapura.
8. Berdasarkan kepada tarikh kuatkuasa tatacara ILS di Lapangan Terbang Seletar pada 3 Januari 2019, Malaysia mewujudkan R.A. berkenaan dengan menyiarkan NOTAM dengan mengambil kira tempoh sekurang-kurangnya 7 hari mengikut piawaian antarabangsa bagi penguatkuasaan bermula pada 2 Januari 2019 .
9. Sejurus rundingan antara YB Menteri Luar Malaysia dan Menteri Luar Singapura pada 8 Januari 2019, kedua-dua prosedur ILS dan R.A. digantung secara serentak untuk tempoh sebulan agar penyelesaian terbaik dapat dicapai oleh kedua-dua pihak.
10. Pada mesyuarat peringkat Menteri Pengangkutan pada 23 Januari 2019, Malaysia dan Singapura telah bersetuju untuk melanjutkan penggantungan pelaksanaan ILS dan R.A. sehingga 31 Mac 2019 bagi memberi ruang kepada perbincangan dua hala yang sedang berlangsung antara Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) dan Civil Aviation Authority Singapura (CAAS). Setakat ini, CAAM dan CAAS telah mengadakan empat (4) mesyuarat untuk membincangkan cadangan tatacara pendaratan alternatif iaitu *Required Navigation Performance* (RNP) bagi Lapangan Terbang Seletar.

11. Selanjutnya, Menteri Pengangkutan Malaysia dan Singapura juga telah bersetuju untuk menubuhkan satu kumpulan kerja untuk membincangkan tindakan mengambil balik ruang udara Malaysia yang diwakilkan kepada Singapura melalui Surat Perjanjian *Operational Letter of Agreement between Kuala Lumpur and Singapore Area Control Centres Concerning Singapore Arrivals, Departures and Overflights* (OLOA 1974). Terma rujukan bagi jawatankuasa ini sedang dirundingi oleh kedua-dua pihak.
12. Merujuk tindakan mengambil balik ruang udara Malaysia di selatan Johor yang selama ini (semenjak tahun 1974) diwakilkan kepada Singapura untuk tujuan penyediaan perkhidmatan kawalan trafik udara, pihak Kerajaan Malaysia pada 29 November 2018, 22 dan 23 Januari 2019 juga telah memaklumkan Singapura berkenaan rancangan Malaysia untuk mengambil balik ruang udara kedaulatannya secara berperingkat, iaitu peringkat pertama dijangka sekitar akhir tahun 2019 dan peringkat seterusnya pada tahun 2023.
13. Rancangan mengambil balik ruang udara Malaysia di selatan Johor perlu dilakukan secara berperingkat bagi menyelaraskan tatacara perkhidmatan kawalan trafik udara antara pihak penyedia perkhidmatan pengemudian udara (air navigation services provider) di kedua-dua negara, demi menjamin pergerakan pesawat yang selamat, cekap dan teratur.
14. Pihak Kerajaan Malaysia sentiasa komited dalam memastikan kedaulatan dan kepentingan negara terus terpelihara. Isu-isu yang melibatkan kepentingan strategik pengurusan ruang udara negara akan terus diberi perhatian utama.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : PERATURAN MESYUARAT 22(5)
DARIPADA : YB TUAN CHAN MING KAI
KAWASAN : ALOR STAR
TARIKH : 03 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN :

YB TUAN CHAN MING KAI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah bangunan Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri yang masih belum mendapat kedudukan Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (CCC).

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek kerajaan yang dilaksanakan oleh perunding perlu mendapatkan Kelulusan Merancang dan Kelulusan Pelan Bangunan melalui One Stop Centre (OSC) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Projek kerajaan sedemikian apabila siap dibina akan dikeluarkan Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC) oleh perunding.

Projek kerajaan yang dilaksanakan secara dalaman oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) (tiada lantikan perunding) dibenarkan melalui proses Rundingan dengan Jawatankuasa Perancangan Negeri (JPN) di bawah Seksyen 20A (Act 172) Akta Perancang Bandar. **CCC tidak akan dikeluarkan bagi projek kerajaan yang melalui proses rundingan dengan JPN.** Walau bagaimanapun, Certificate of Practical Completion (CPC) akan dikeluarkan oleh JKR bagi mengesahkan projek telah siap dibina mengikut kontrak dan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL 1984) serta selamat diduduki. Kelulusan Bomba juga diperolehi bagi bangunan yang telah dibina.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 3.4.2019 (RABU)

SOALAN NO. 66

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan dapatkah Kementerian mempercepat pembinaan blok guru yang telah terbakar pada November 2018 di SMK Medamit, Limbang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah sedia maklum mengenai kejadian kebakaran blok guru di SMK Medamit, Limbang, Sarawak pada November tahun 2018. Oleh yang demikian, demi keselesaan warga sekolah dan kelangsungan proses pengajaran dan pembelajaran, KPM telah mengambil tindakan segera yang sepatutnya. Pada ketika ini, kerja-kerja ubah suai untuk pengoperasian blok pentadbiran sementara SMK Medamit di blok asrama pelajar telah selesai dilaksanakan pada Februari 2019.

Untuk makluman, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak juga telah membuat permohonan pembinaan bagi skop gantian/ubah suai naik taraf sekolah yang meliputi blok akademik dan asrama serta dewan makan bagi sekolah tersebut untuk dimasukkan dalam *Rolling Plan* Keempat (RP4) Tahun 2020, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Walau bagaimanapun, pada ketika ini keutamaan KPM adalah kepada penggantian dan ubah suai naik taraf bangunan sekolah yang telah disahkan tidak selamat oleh Jabatan Kerja Raya (JKR).

Oleh yang demikian, permohonan ini terpaksa diteliti semula oleh KPM bagi memberi laluan kepada projek-projek yang lebih kritikal.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
[BELURAN]**

TARIKH : 3 APRIL 2019 [RABU]

SOALAN NO. 67

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**
menyatakan :-

- (a) apakah keyakinan Kerajaan untuk menangani masalah perumahan bagi golongan B40 dan M40; dan
- (b) adakah dasar pembinaan satu juta rumah telah disesuaikan dengan kemampuan kewangan golongan berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Soalan (a)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa mengambil perhatian mengenai masalah pemilikan rumah mampu milik bagi semua lapisan masyarakat terutamanya golongan B40 dan M40. KPKT telah membuat perancangan dan mengambil inisiatif seperti berikut:

(a) Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018 - 2025 menjadi dasar utama yang akan dirujuk sebagai pemangkin ke arah memacu perumahan negara yang mampu dimiliki, berdaya huni, berkualiti dan memenuhi elemen komuniti dalam hala tuju industri perumahan negara;

(b) Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) menggariskan standard, spesifikasi utama serta panduan bagi pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM) yang berdaya huni, berkualiti, dan selamat didiami;

(c) Rasionalisasi perumahan melalui perpindahan Perbadanan PRIMA Malaysia (PRIMA), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) di bawah KPKT bagi memastikan perancangan dan penyediaan perumahan mampu milik diselaraskan mengikut keperluan kumpulan sasaran;

(d) Perancangan dan pelaksanaan untuk membina 1 Juta Rumah Mampu Milik selaras dengan manifesto Kerajaan Pakatan Harapan;

(e) Pemantauan Perancangan Perumahan melalui Majlis Mesyuarat Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia dan dianggotai oleh Menteri yang berkaitan dengan industri perumahan;

(f) Kawalan dan penguatkuasaan melalui perundangan dan akta sedia ada dan yang akan digubal seperti:

- (i) Akta Sewaan Kediaman (akan digubal);
- (ii) Akta Pemajuan Komersial (akan digubal)
- (iii) Akta Pemajuan Tanah Wakaf (akan digubal);
- (iv) Akta Pemajuan Perumahan 1966 (Akta 118) – pindaan;
- (v) Akta Hak Milik Strata 1985 (Akta 318); dan
- (vi) Akta Pengurusan Strata (Akta 757) dan

(g) Pelaksanaan program-program perumahan dengan subsidi kerajaan yang berterusan seperti berikut:

- (i) Projek Perumahan Rakyat (PPR) Disewa dan Dimiliki;
- (ii) Skim Sewa Untuk Dimiliki atau *Rent to Own* (RtO) PPR;
- (iii) Skim Pinjaman Perumahan (SPP);
- (iv) Rumah Transit Belia; dan
- (v) Skim Perumahan Mampu Milik Swasta.

2. Justeru, KPKT yakin akan dapat menangani masalah perumahan bagi golongan B40 dan M40 memandangkan KPKT kini giat mempelbagaikan langkah-langkah dalam membantu golongan ini untuk memiliki kediaman terutamanya di kawasan bandar-bandar besar.

Soalan (b)

1. Untuk makluman Yang Berhormat juga, KPKT sedang memuktamadkan DRMM dan salah satu skop di bawah DRMM ini adalah mengenai Penetapan Harga Rumah Mampu Milik. Kaedah penetapan harga rumah mampu milik yang digunakan adalah berdasarkan pendekatan Median Multiple (MM) yang mendefinisikan sebuah rumah dianggap mampu dibeli jika harganya kurang daripada tiga kali pendapatan tahunan isi rumah median. Oleh yang demikian, berdasarkan pendekatan ini KPKT menetapkan harga rumah mampu milik di Malaysia adalah di bawah RM300,000.

2. Oleh itu, penetapan harga rumah mampu milik adalah berdasarkan pendapatan dan mengikut klasifikasi kawasan mengikut bandar dan luar bandar di setiap negeri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH
(JASIN)

TARIKH : 03 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 68

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan usaha-usaha untuk meningkatkan gaji minima bulanan sekitar RM2,000 sebulan iaitu setara dengan Romania kerana GNI per kapita negara tersebut (USD10,000) hampir sama dengan GNI per kapita (USD9,650) negara kita.

PN-1412- L03298

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Antara pendekatan yang dapat meningkatkan peratusan kadar upah kepada suatu kadar yang lebih tinggi adalah seperti berikut:

- (i) menambah nilai kerja melalui inovasi dan kreativiti dengan memperbanyakkan elemen automasi yang berteknologi tinggi bagi meningkatkan produktiviti pekerja di negara ini dan meningkatkan rantaian pengeluaran agar dapat berdaya saing di peringkat antarabangsa;
- (ii) menarik lebih banyak *foreign direct investment* (FDI) atau *domestic direct investment* (DDI) yang menyumbangkan terhadap penghasilan *high value job* dan *knowledge worker* (*k-worker*). Oleh yang demikian negara perlu bersifat selektif dalam menarik pelaburan dengan tidak lagi menarik pelaburan yang berintensif buruh (*labour intensive*) dan bergaji rendah (*low paying jobs*). Penghasilan pekerjaan yang bersifat *high value job* dan *k-worker* adalah amat wajar kerana kadar upah yang tinggi dinikmati oleh golongan ini antara penyumbang terbesar dalam peningkatan peratusan kadar upah daripada KDNK seperti yang dinikmati negara maju; dan
- (iii) mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing tidak mahir (*unskilled*) yang bergaji rendah (*low pay jobs*). Langkah ini perlu diambil kerana pekerja asing tidak mahir yang bergaji rendah

adalah antara penyumbang terhadap peratusan kadar upah yang rendah berbanding KDNK negara.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, Kerajaan sedang dalam proses merangka *road map* bagi merealisasikan pelaksanaan kadar gaji minimum RM1,500 seperti yang dijanjikan dalam manifesto Pakatan Harapan.
3. Kerajaan juga telah mengambil inisiatif dengan memperkenalkan Indeks Gaji Kebangsaan (*National Wage Index*; NWI) yang akan digunakan sebagai penanda aras gaji terhadap trend pasaran buruh. NWI akan membolehkan Kerajaan menilai perubahan gaji dalam pasaran buruh di mana maklumat tersebut boleh dijadikan sebagai asas pertimbangan dalam penetapan gaji, kajian semula kadar gaji minimum dan dasar perburuhan di Malaysia.
4. Walau bagaimanapun, apa-apa dasar dan polisi negara yang dilaksanakan pada masa hadapan hendaklah bersesuaian dan mencerminkan keadaan semasa ekonomi negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN
HAJI SALLEH
(PASIR PUTEH)

TARIKH : 03 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 69

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah benar setiap tahun tidak kurang 60,000 pelajar yang memohon dalam TVET tetapi disebabkan peruntukan kewangan yang disediakan tidak mencukupi merencatkan peluang ke arah melahirkan tenaga mahir yang berkualiti sedangkan ia adalah asas kemajuan untuk mencapai status negara maju.

PN-1412- L04019

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Sumber Manusia Perbadanan Tabung Pendidikan Kemahiran (PTPK) menerima Peruntukan Pembangunan daripada pihak kerajaan setiap tahun. Pada tahun 2018, PTPK telah menerima Peruntukan Pembangunan sebanyak RM175 juta di bawah Dana Latihan TVET untuk diberikan pinjaman latihan kemahiran (PLK) kepada pelatih yang layak. Untuk makluman tuan, PTPK telah meluluskan kepada 13,529 pelatih untuk diberikan pinjaman latihan kemahiran dengan peruntukan berjumlah RM171.65 juta atau 98.09% sehingga 31 Disember 2018. Ini menunjukkan peruntukan pembangunan yang diterima pada tahun tersebut mencukupi berdasarkan kepada permohonan yang diterima dan kelulusan yang diberikan oleh PTPK.

2. Walau bagaimanapun, selain daripada Latihan di Pusat Bertauliah (PB) awam dan swasta, Kerajaan turut melaksanakan Latihan Berorientasikan Industri iaitu Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM). Program SLDN ini dikendalikan melalui usahasama syarikat-syarikat dan institusi-institusi latihan. Bagi pelatih yang mengikuti program SLDN berinsentif, mereka akan mendapat insentif sebanyak RM300 yang

SOALAN NO: 69

diberikan secara bulanan. Malah, ada syarikat yang memberi insentif tambahan kepada pelatih untuk menunjukkan komitmen mereka kepada pembangunan tenaga mahir negara. Sebagai rekod, sehingga Januari 2019, lebih 108,000 perantis telah menamatkan latihan melalui kaedah SLDN ini.

3. Kesimpulannya, peluang latihan kepada pelatih yang berminat menceburi bidang TVET sentiasa terbuka dan boleh disertai melalui pelbagai kaedah pensijilan yang disediakan oleh Kerajaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN YUSUF BIN ABD. WAHAB
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 3.4.2019 (RABU)

SOALAN : 70

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan peruntukan untuk bantuan perumahan rakyat termiskin di kampung atau rumah panjang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan keseluruhan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) bagi tahun 2019 adalah RM200,000,000. Peruntukan ini terbahagi kepada dua (2) iaitu bantuan Bina Baharu dan Baik Pulih rumah.

Sebanyak RM86,038,000 telah diperuntukkan bagi bantuan Bina Baharu melibatkan pembinaan 1,532 unit rumah manakala untuk bantuan Baik Pulih, sebanyak RM113,962,000 telah diperuntukkan bagi pembaikan 7,354 unit rumah di seluruh negara.

Bagi negeri Sarawak, peruntukan PPRT tahun 2019 adalah sebanyak RM44,100,000 melibatkan pembinaan 321 unit rumah dengan peruntukan sebanyak RM18 juta dan pembaikan 7,354 unit rumah dengan peruntukan berjumlah RM26.1 juta termasuk rumah panjang. Kementerian telah berbincang dengan pihak Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak, Sarawak (MANRED) dan bersetuju supaya bantuan Bina Baru di bawah Kementerian melibatkan permohonan individu manakala bagi Bina Baru rumah panjang akan diselaraskan oleh pihak MANRED.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HAJI SALIM SHARIF [JEMPOL]

TARIKH : 3.4.2019 (RABU)

SOALAN NO. 71

Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan perancangan bagi membela nasib guru-guru yang mengajar di kawasan pedalaman dan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula kadar Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (EKMLTK).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa pada masa kini guru-guru yang berkhidmat di kawasan pedalaman telah diberikan insentif dan imbuhan khusus. Sekolah-sekolah pedalaman dikategorikan kepada Sekolah Pedalaman 1 (P1), Sekolah Pedalaman 2 (P2) dan Sekolah Pedalaman 3 (P3). Guru-guru yang mengajar di tiga kawasan tersebut layak menerima bayaran Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (EKMLTK) sebanyak RM500.00 (P1), RM1000.00 (P2) dan RM1500.00 (P3).

Untuk makluman, kerajaan akan sentiasa mengkaji elaun-elaun yang diterima oleh pegawai kerajaan dari masa ke masa. Kadar pemberian EKMLTK bagi sekolah pedalaman juga sentiasa dikaji semula oleh Jabatan Pendidikan Negeri berdasarkan kemajuan di sesebuah kawasan. Selain daripada itu, semua penjawat awam termasuk guru sama ada dari Semenanjung yang ditugaskan ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan atau sebaliknya layak menerima Elaun Perumahan Wilayah (EPW), berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 11 Tahun 2001. Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM
[SERIAN]**

TARIKH : 3 APRIL 2019 (RABU)

SOALAN NO. 72

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan Klinik 1 Malaysia (K1M) di seluruh Malaysia.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian sedang melaksanakan penjenamaan semula Klinik 1Malaysia (K1M) kepada Klinik Komuniti dengan perkhidmatan berfokuskan Rawatan Pesakit Luar.

Sehingga 1 Mac 2019, terdapat sejumlah 332 buah Klinik Komuniti yang beroperasi di seluruh Malaysia. Jumlah ini termasuk 20 buah fasiliti yang akan dinaik taraf kepada Klinik Kesihatan secara berfasa.

Sekian, terima kasih.